

PERANAN MEDIA DALAM MODENISASI DIKIR BARAT

MOHD ZAMRI ZAINI B. MUHAMED

**PROJEK PENYELIDIKAN INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI SARJANA MUDA PENGAJIAN
WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2011

PENGAKUAN

Laporan ini adalah usaha pelajar sendiri berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dilaksanakan pada semester 7 sesi akademik 2011/2012, kecuali bahagian-bahagian yang diberikan kredit dan yang dilampirkan dari sumber-sumber yang telah dinyatakan.

Mohd Zamri Zaini b. Muhamed

Tarikh: 18 Januari 2012

No. Matrik: C08A047

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim....

Bersyukur ke hadrat Ilahi Allah S.W.T kerana dengan bekat dan izinNya pengkaji telah berjaya meyempurnakan kajian ini dengan selamat. Ribuan terima kasih yang tidak terhingga tertamanya kepada YM Raja Iskandar selaku penyelia yang telah banyak membantu serta membimbing dari awal sehingga akhir kajian dijalankan.. Selain itu, tidak lupa juga kepada mereka-mereka yang terlibat memberi sokongan dari segi masa dan turut berkongsi pendapat sekaligus dapat memperkemaskan lagi kajian ini. Disamping itu, diharapkan kajian tentang peranan media dalam modenisasi Dikir Barat ini dapat dijadikan rujukan serta bahan ilmu oleh pelbagai pihak.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Dikir Barat sememangnya merupakan salah satu seni persembahan yang popular dari Kelantan dan merupakan antara seni warisan yang masih bertahan sehingga ke hari ini. Dikatakan bukan sahaja di Kelantan, namun di setiap negeri telah mula mempergiatkan seni persembahan ini malah telah mula diperkenalkan di luar negara. Tidak dinafikan, melalui perkembangan media juga, secara tidak langsung telah menaikkan lagi nama Dikir sehinggakan telah dijadikan salah satu pertandingan oleh pihak kerajaan. Walaupun begitu, beberapa tahun ini Dikir Barat telah mengalami telah berubah coraknya dari segi persembahan ekoran daripada impak yang dibawa oleh media.

ABSTRACT

Dikir Barat certainly is one of the most popular performing arts from Kelantan and is one of the heritage that still persists to this day. It is said, not only in the state, but in every state has begun to intensify the performing arts were first introduced, but also abroad. There is no doubt, through the development of the media, is not directly raised Dikir's name that has become one of the competition by the government. Even so, recent years have experienced Dikir Barat have changed the pattern in terms of performance due to the impact brought about by the media.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK :	
Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstract	iii
Abstrak	iv
Kandungan	v-vii
BAB	M/S
1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1-7
1.2 Latar Belakang Kajian	7-9
1.3 Penyataan Masalah	9-12
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Kepentingan Kajian	13-14
1.6 Skop Kajian	14-16

1.7	Kekangan Kajian	16-17
1.8	Terminologi Kajian	17-18
1.9	Kesimpulan	19
2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	20
2.2	Sorotan Literatur dan Kajian Lepas	21-28
2.3	Kesimpulan	29
3	METADOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	30-31
3.2	Kaedah Kajian	
3.2.1	Kajian Perpustakaan	31
3.2.2	Kajian Lapangan	32-33
3.4	Prosuder Kajian	34
3.3	Kesimpulan	35

4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

4.1.1 Media

37

4.1.2 Modenisasi

38

4.1.3 Dikit Barat

38-39

4.2 Dapatan kajian

4.2.1 Kesan Modenisasi dalam persembahan Dikir Barat

Ekoran Pengaruh Media.

40

4.2.2 Seni Persembahan

41-43

4.2.3 Lagu

44-50

4.2.4 Peralatan Muzik

50-53

4.2.5 Pakaian/Kostum

53-56

4.2.6 Lirik

57-62

4.2.7 Seni Gerak

63-66

4.3 Perbincangan

67-70

4.4 Kesimpulan

71

5 CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	72-73
5.2 Cadangan	74-76
5.3 Kesimpulan	77-78
Lampiran	79-81
Senarai Rajah	82-83
BIBLIOGRAFI	84-85

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Tidak dinafikan seni turut memainkan peranan penting di dalam kehidupan manusia yang dapat membentuk, menyatukan masyarakat, adat dan budaya. Tersedia maklum bahawa, Kelantan merupakan salah satu negeri yang kaya dengan pelbagai seni dan salah satu antaranya ialah Dikir Barat. Dikir Barat adalah satu seni persembahan tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu di Kelantan dan Patani. Secara umumnya, tidak seperti kesenian lain, seni persembahan ini lebih popular dalam kalangan masyarakat biasa daripada kalangan istana.

Sejarah asal-usul Dikir Barat masih lagi kabur. Pelbagai jenis andaian yang wujud tentang kedatangan seni persembahan ini. Namun, terdapat beberapa teori yang menjelaskan bagaimana kesenian ini terbentuk. Mohd Ghazali (1995), telah menggariskan beberapa teori berkaitan sejarah Dikir Barat, di antaranya kesenian ini berasal dari Patani. Ini berdasarkan perkataan "barat" yang merujuk kepada daerah selatan Thai.

Dikir Barat juga dikatakan berasal dari Pulau Kerengga iaitu satu daerah di dalam jajahan Narathiwat Selatan Siam. Difahamkan seseorang yang bernama Pak Sa berasal dari Pulau Kerengga telah masuk ke Kelantan dalam tahun 1931 dan telah ditangkap oleh pegawai kastam kerana tidak mempunyai pasport dan lama kelamaan beliau telah memperkenalkan Dikir Barat kepada orang Kelantan. Oleh kerana beliau berasal dari Pulau Kerengga Maka timbullah pendapat mengatakan Dikir Barat berasal dari sana (*ibid.*).

Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa Dikir Barat dicipta oleh Pak Leh Tapang (Abdul Hadi Yusoff, 2006). Beliau merupakan seorang pengasas Dikir Barat yang berasal dari Kampung Tapang, Panji Kota Bharu dan mula berDikir sejak tahun 1940-an lagi. Istilah tukang karut dalam Dikir Barat juga adalah hasil idea Pak Leh sendiri. Bagi mengenang jasanya kepada seni budaya bangsa, beliau telah dianugerahkan surat kepujian oleh Maha Guru Silat Seni Gayung Malaysia pada tahun 1967 dan juga Pingat Setia dari sultan Kelantan pada tahun 1993.

Di dalam persembahan Dikir Barat terdapat satu kumpulan yang diketuai oleh seorang tukang karut dan tok juara (atau dikenali sebagai juara sahaja). Mereka akan mengarut sambil berbalas pantun dan diikuti oleh awok-awok sebagai suara latar dengan suara yang kuat dan lantang. Dikir Barat boleh dipersembahkan sebagai hiburan ataupun pertandingan. Persembahan ini biasanya dimainkan oleh masyarakat tani di musim menuai padi dan juga majlis perkahwinan serta berkhatan. Perkembangan seni persembahan ini amat unik kerana Dikir Barat sering berubah bentuk dari semasa ke

semasa mengikut perkembangan zaman. Dikir Barat adalah seni persembahan yang baru jika dibandingkan dengan teater tradisional lain. Perkataan 'Dikir' adalah hasil dari kombinasi dua perkataan, iaitu Dikir dan pantun atau Dikir dan karut. Pengertian karut itu sendiri ialah dari istilah mengarut dalam bentuk pantun atau syair. Jadi Dikir Barat, Dikir Pantun dan Dikir Syair merujuk kepada perkara yang sama. Walaubagaimanapun, di Kelantan permainan ini lebih dikenali sebagai Dikir Barat dan di Patani sebagai Dikir Karut (Mohd Ghazali, 1995).

Hari ini Dikir Barat telah mengalami perubahan terutamanya dari segi persembahannya ekoran daripada kemunculan serta pengaruh luar yang dibawa oleh media. Difahamkan perubahan Dikir Barat bermula selepas Stesen Radio Televisyen Malaysia (RTM) mengadakan pertandingan Dendang Rakyat pada tahun 1974 apabila pakaian seragam mula diperkenalkan dan persembahan di dewan pula dibuat dalam bentuk duduk berbaris panjang mengadap penonton (Wan Zulkifli Wan Yacob, 2006).

Media merupakan satu bahan komunikasi yang berperanan menghubungkan manusia dengan pelbagai maklumat tanpa sempadan. Media terdiri daripada media cetak dan juga elektronik serta menjadi pengaruh yang kuat di dalam mempopularkan sesuatu contohnya lagu dan cerita. Mutakhir ini media telah menjadi sebuah intitusi penting dalam menyampaikan maklumat secara pantas. Kini media juga berfungsi sebagai medium yang berkesan untuk menyampaikan mesej kepada rakyat. Tanpa adanya media ini masyarakat juga tidak akan tahu lagu-lagu serta tidak kenal penyanyi mahupun Tok Juara Dikir Barat tersebut. Dikir Barat banyak disebarkan oleh media-media kerajaan seperti Radio

Telvisyen Malaysia (RTM). Kerajaan telah melihat bahawa Dikir Barat ini mempunyai potensi untuk terus berkembang melalui perkembangan yang telah di usahakan oleh penggiat Dikir ini sendiri. Dalam pada masa yang sama Dikir Barat ini juga dipengaruhi oleh dasar serta bersesuaian dengan polisi kerajaan melalui lagu-lagu yang disampaikan.

Peranan media ini telah dijelaskan oleh Prof. Dr. Awang Sariyan. Menurut beliau, media elektronik dan cetak berperanan penting dalam mengangkat martabat bahasa Melayu serta pematuhan kepada dasar penggunaannya sebagai bahasa kebangsaan seperti termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Selain itu tambahnya, media merupakan tunjang utama dalam pelaksanaan dasar bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini. Menurutnya lagi, peranan itu boleh dilakukan dengan memastikan bahasa yang digunakan dalam penerbitan dan penyiaran berita adalah tepat dan sempurna serta mengambil kira nilai kesantunan. Usaha peneguhan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah tanggungjawab semua pihak termasuk pengamal media kerana secara amnya golongan ini menggunakannya secara meluas sebagai alat berkomunikasi dengan masyarakat. Komitmen ini perlu ketika penggunaan bahasa rojak atau bahasa pasar semakin berleluasa di kalangan masyarakat Malaysia sehingga menyebabkan bahasa kebangsaan itu terus dipinggirkan (Utusan Malaysia, 2011).

Di sini jelas dapat kita lihat bagaimana peranan media elektronik ataupun media cetak mampu mengubah lanskap, struktur dan gaya persembahan dalam Dikir Barat. Contohnya media terbaru yang ada sekarang ini seperti *youtube* serta internet membolehkan peminat-peminat memuat turun lagu-lagu Dikir Barat tanpa membelinya.

Selain itu, media ini juga turut membantu mempopularkan serta memperkembangkan lagi Dikir Barat melalui lagu yang ada sekaligus ianya juga dapat mempopularkan artis-artis Dikir Barat dan sebagainya. Tidak dinafikan juga televisyen dan juga radio turut menjadi satu alat yang boleh mengubah Dikir Barat menjadi lebih moden. Kesemua media ini mempunyai peranannya yang tersendiri di dalam membawa Dikir ke arah proses pemodenan. Dengan adanya media elektronik seperti televisyen telah mempercepatkan lagi Dikir Barat ini menjadi moden. Jika sebelum ini Dikir tidak ditayangkan di televisyen Dikir dilakukan hanya dengan cara biasa tiada sebarang kostum. Apabila ditayangkan di kaca televisyen satu lagi perubahan telah berlaku dalam Dikir Barat iaitu adanya kostum ataupun pakaian khas di dalam persembahan supaya kelihatan lebih menarik lagi untuk dipertontonkan.

Dikir Barat telah mengalami beberapa proses dalam arus pemodenannya iaitu bermula apabila memasuki televisyen dan radio. Daripada televisyen seterusnya kepada dalam bentuk VCD yang menghasilkan konsep Dikir secara klip video yang melibatkan persembahan secara visual. Jika dibandingkan dengan Dikir di televisyen mahupun radio, Dikir yang dihasilkan secara VCD ini lebih popular dan diminati ramai kerana mempunyai artis-artis yang cantik serta dapat menarik hati penonton. Tidak cukup dengan itu, perubahan dari segi klip video ini telah merubah kepada alat muzik tradisional kepada moden seperti gitar, bes, dram, *minos 1*, dan beberapa tambahan alat muzik lain lagi. Dengan penghasilan Dikir Barat secara visual ini telah ditambah lagi dengan tarian yang dilakukan sendiri oleh penyanyi Dikir yang lebih membezakan Dikir dahulu dan

sekarang. Hal ini demikian berlaku adalah disebabkan pengaruh serta peranan media yang mengubah Dikir Barat ke arah yang lebih moden.

Sehubungan dengan itu, Tok Juara mahupun artis-artis Dikir Barat telah mengambil peluang dengan menggunakan media ini sebagai alat untuk mempopularkan diri serta melariskan lagi penjualan lagu-lagu mereka melalui VCD, kaset dan sebagainya. Mereka telah pun mempunyai *website* sendiri supaya dapat lebih dikenali umum sekaligus untuk mendekati diri dengan peminat di samping mempromosikan lagu-lagu baru mereka. Dengan adanya *website* ini peminat boleh memuat turun daripada artis-artis yang mereka suka ini secara terus tanpa menunggu untuk dimainkan di radio. Disebabkan media juga Tok Juara yang pada dahulunya bergerak secara kumpulan telah bergerak secara solo dan menjadi lebih popular serta diminati ramai selepas muncul dalam klip video dalam VCD.

Oleh hal yang sedemikian, kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji peranan media di dalam proses modenisasi Dikir Barat. Bagi mengetahui lebih lanjut lagi tentang hal ini, pengkaji telah cuba menyelengkap satu artikel dari media cetak iaitu isu proses modenisasi ini yang telah dibangkitkan dalam majalah mastika tentang perubahan Dikir Barat dulu dan sekarang. Dalam artikel ini menjelaskan Dikir Barat sekarang telah berubah kepada unsur negatif dimana lagu-lagu Dikir tidak lagi mengutamakan masej malah seolah-olah memperdagangkan penyanyi dengan tarian yang memberangsangkan. Hal ini telah menjadi isu kritikal kerana Dikir Barat sekarang telah memalukan masyarakat Kelantan sendiri (Majalah Mastika, 2010).

1.2 Latar Belakang Kajian

Kelantan adalah merupakan sebuah negeri yang mempunyai seni budaya tradisional yang unik terutamanya dalam sosio-budaya masyarakatnya dan turut mengandungi sejarah yang menarik. Dilihat dari perspektif sejarah pemerintahan, Kelantan merupakan satu-satunya negeri di Tanah Melayu yang diperintah oleh raja perempuan iaitu Tuan Puteri Cik Siti Wan Kembang. Oleh sebab itulah sehingga kini Kelantan masih digelar dengan nama Negeri Cik Siti Wan Kembang.

Kerajaan Kelantan berpayung di bawah naungan ke Bawah DYMM Tuanku Ismail Petra Ibni Al-Marhum Sultan Yahya Petra dan Ke Bawah DYMM Tengku Anis Binti Tengku Abdul Hamid , Raja Perempuan Kelantan. Dari sudut pendidikan, Kelantan amat menitikberatkan pendidikan agama. Suatu ketika dulu Kelantan pernah menjadi pusat tumpuan ulama dari serata tempat dan sehingga kini masih terkenal dengan nama jolokan negeri Serambi Mekah. Banyak rakyat dari luar Kelantan datang ke sini semata-mata untuk mendalami ilmu agama. Oleh sebab itu tidak hairanlah jika sekolah-sekolah agama atau lebih dikenali sebagai sekolah pondok muncul bagaikan cendawan tumbuh selepas

hujan. Sekolah Pondok Terusan yang terletak di Pasir Tumboh Kota Bharu, merupakan antara sekolah pondok yang terkenal di Kelantan dan Tok Guru Kenali pula merupakan tokoh guru agama yang sudah tidak asing di Kelantan suatu ketika dulu.

Dalam mengejar erti pembangunan kerajaan Kelantan juga tidak pernah mengabaikan seni warisan budaya rakyat negeri ini. Sehubungan dengan itulah, Gelanggang Seni yang terletak di Jalan Sultan Mahmud iaitu kira-kira 2 Km dari pusat bandar Kota Bharu diwujudkan. Pusat ini sentiasa menjadi daya tarikan kepada para pelancong dan wahana kepada anak-anak Kelantan yang cintakan seni warisan bangsa untuk berkampung dan mempersembahkan persembahan masing-masing. Antara persembahan yang masih digemari dan kerap diadakan ialah Dikir Barat, Wayang Kulit, Mak Yong, Rebana Ubi , Permainan gasing dan Wau Bulan. Persembahan ini diadakan pada hari-hari tertentu sekiranya terdapat sesuatu majlis.



RAJAH 1:

Peta Negeri Kelantan

1.3 Penyataan Masalah

Tujuan kajian ini dilakukan adalah kerana setelah pengkaji meneliti kajian-kajian lepas yang dilakukan kebanyakannya berkisarkan tentang sejarah dan asal usul Dikir Barat, kajian tentang lirik dan sebagainya. Disini pengkaji mendapati masih kurang kajian berkaitan perkembangan ataupun modenisasi Dikir Barat.

Lantaran itu,ekoran daripada pengaruh media ini juga telah timbul satu isu sosial yang telah di war-warkan dalam satu artikel yang dikenalpasti oleh pengkaji tentang permasalahan dalam komuniti Dikir Barat Malaysia yang telah dibangkitkan oleh majalah

Mastika keluaran Januari 2010 mengambil inisiatif membongkar penghasilan VCD Dikir Barat 'Gerudi Inul' ini yang memalukan penggiat dan peminat Dikir Barat Malaysia. Dalam artikel ini telah dijelaskan ketidakpuasan beberapa pihak terutamanya peminat Dikir Barat dengan adegan-adegan mengahairahkan dalam persembahan Dikir Barat. Keadaan ini telah menyebabkan hilangnya keaslian persembahan Dikir Barat.

Kehadiran pengaruh media juga turut menyebabkan perubahan dari segi persembahan Dikir ini. Jika diperhatikan, Dikir Barat tradisional cara persembahannya dilakukan di sebelah malam sahaja. Dalam permainan ataupun persembahan Dikir Barat tradisional ini selalunya ada dua kumpulan yang mengambil bahagian dalam satu masa. Mereka akan berbalas pantun, sindir-menyindir ibarat orang berkelahi. Walau bagaimanapun, keadaan ini hanya dianggap sebagai hiburan dan disampaikan dalam loghat Kelantan diatas bangsal-bangsal yang didirikan. Manakala awok-awok Tukang Karut dan Juara pula akan mengambil tempat masing-masing iaitu duduk bersila mengelilingi pembesar suara ibarat orang sedang menghadapi satu hidangan. Selain itu, persembahan akan diadakan di kampung-kampung dan ini sekali gus akan menjadikan masyarakat lebih dekat dengan seni warisan ini.

Berbeza pula selepas kehadiran media, dimana telah berubah corak persembahannya apabila lagu-lagu Dikir telah mula dimainkan di corong-corong radio. Syarikat-syarikat rakaman juga telah menggunakan peluang dengan mengeluarkan lagu-lagu beserta klip video sekaligus dapat mempopularkan artis-artis Dikir Barat.

Pada masa yang sama, wujudnya perubahan lain dalam Dikir Barat disebabkan media iaitu dari segi aspek muzik. Jika dahulu kita dapat dengar Dikir Barat dimainkan

dengan alat-alat muzik tradisional yang mengiringi Dikir Barat antaranya ialah rebana ibu dan rebana anak, tertawak (gong), marakas dan juga canang. Tanpa alatan muzik ini tidak lengkap persembahan Dikir Barat.

Tapi kini sebaliknya, semua alatan muzik ini tidak lagi digunakan setelah pengaruh media mula berkembang dalam seni persembahan. Dikir Barat sekarang ini telah menggunakan alatan muzik moden seperti gitar, dram, bass dan sebagainya. Keadaan ini telah menyebabkan Dikir Barat telah berubah dari segi muziknya.

Pada awalnya permainan Dikir Barat di Kelantan yang berasal dari Patani tidak mempunyai pakaian ataupun kostum tertentu atau menarik untuk dipakai oleh juara, tukang karut mahupun awok-awok dari segi persembahannya. Ini tidak dapat dinafikan kerana permainan ini merupakan permainan rakyat biasa yang diadakan di kawasan sawah padi dan di kampung. Oleh itu, mereka tidak mementingkan pakaian kerana tujuan utamanya member hiburan yang berupaya memuaskan selera penonton. Jadi pasukan-pasukan Dikir Barat dari kelompok ini memakai pakaian biasa ketika membuat persembahan.

Namun begitu, situasi ini telah berubah setelah kewujudan media mula menular dalam persembahan tradisi ini. Hari ini Dikir Barat telah mengalami perubahan terutamanya dari segi persembahannya ekoran daripada media. Difahaman perubahan Dikir Barat bermula selepas Stesen Radio Televisyen Malaysia (RTM) mengadakan pertandingan Dendang Rakyat pada tahun 1974 apabila pakaian seragam diperkenalkan dan persembahan di dewan pula dibuat dalam bentuk duduk berbaris panjang mengadap

penonton. Pada awal tahun 80 -an sehingga akhir tahun 90-an setiap pasukan memakai kostum yang tersendiri. Kostum pada masa ini kelihatan seperti pakaian pahlawan Melayu dahulu berpakaian baju Melayu bersamping dan memakai tengkolok. Apabila munculnya kostum seperti ini permainan Dikir Barat ini kelihatan lebih menarik lagi dari segi persembahannya dan menampakkan lagi ciri-ciri warisan dalam permainan ini.

Setelah mengenal pasti permasalahan yang ada daripada transformasi yang berlaku kepada seni persembahan rakyat Kelantan ini disebabkan peranan media itu sendiri, pengkaji telah mengambil keputusan untuk mengkaji peranan media di dalam memodernisasi Dikir Barat supaya dapat dijadikan pengetahuan serta rujukan baru serta dapat dijadikan bahan untuk didokumentasikan kepada masyarakat.

1.4 Objektif Kajian

Dalam seni persembahan Dikir Barat ini, pengkaji cuba memfokuskan kepada beberapa kajian. Pengkaji mendapati hanya kajian tentang asal-usul, kreativiti dan sosialogi telah dibuat manakala kajian tentang media masih lagi kurang. Oleh itu, Pengkaji merasakan terpanggil dan bertanggungjawab untuk mengetengahkan kajian peranan media di dalam memodernisasi Dikir Barat . Antara objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji adalah:

- Mengkaji peranan media dalam proses modernisasi Dikir Barat.

- Melihat Transformasi Dikir Barat dari segi persembahannya.
- Mengenal pasti apakah perubahan yang berlaku dalam persembahan Dikir Barat.

1.5 Kepentingan Kajian

Bagi setiap kajian yang dijalankan merupakan sesuatu maklumat ataupun ilmu yang baru dan pengkaji merasa bertanggungjawab dan terpanggil untuk melakukan kajian seperti ini . Oleh itu pengkaji beraggapan bahawa kajian ini amat penting kepada diri sendiri dan cuba untuk berkongsi serta mengetengahkan kepada masyarakat dan juga institusi.

Pengkaji ingin menyampaikan maklumat berguna dalam memberi ilmu mengenai seni persembahan Dikir Barat kepada individu dan secara tidak langsung pengkaji cuba mengetengahkan pengaruh media yang telah mempopularkan lagi lagu-lagu serta penyanyi sekaligus peranannya yang telah mengakibatkan transformasi kearah kemodenan dan keunikan seni persembahan ini agar timbul minat dalam diri orang perseorangan samada mempelajari, meminati dan menghayati apa yang ada seni warisan tradisional ini.

Pengkaji juga cuba mendedahkan kepada masyarakat bahawa media memainkan peranan yang cukup penting dalam memodenisi serta mempopularkan lagi Dikir Barat ini dapat memberi kebaikan kerana sesuai dengan corak persembahannya yang sering berubah-ubah mengikut peradaran masa mengikut situasi yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini. Manakala keburukannya pula ialah jika Dikir Barat ini dipersembahkan

secara moden ianya akan memberi impak kepada generasi akan datang kerana tidak dapat mengetahui warisan sebenar seni warisan budaya kita.

Kepentingan kajian ini bukan sahaja untuk mencari ilmu kepada diri sendiri, malah pengkaji turut menjadikan sumber kajian ini sebagai sumber ilmu kepada badan institusi yang lain. Pengkaji ingin berkongsi pengetahuan dan memberi peluang kepada badan institusi untuk mendapatkan sumber kajian ini sebagai sumber ilmu dan juga boleh diaplikasikan kepada luar.

Kepentingannya kepada negara ialah melalui peranannya dalam mengidentitikan sesebuah negara kerana jiwa sesebuah ialah bahasanya, maka tanpa seni budaya sesebuah negara hidup tanpa identitinya sebagai negara yang berjaya. Sejarah negara mudah dikebalpasti dengan menyusuri apa yang disampaikan oleh masyarakat dahulu melalui seni persembahan Dikir Barat ini yang mengandungi pelbagai mesej dan pengajaran.

1.6 Skop Kajian

Permainan Dikir Barat adalah satu teater tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu. Perkembangan seni teater ini amat unik kerana Dikir Barat sering berubah bentuk dari semasa ke semasa mengikut perkembangan zaman. Dikir Barat bukan sahaja berfungsi sebagai arena hiburan tetapi juga mampu menyampaikan amanat kerajaan kepada rakyat dengan berkesan dengan lagu-lagu yang disampaikan terutamanya, dalam mengubah cara penghidupan dan pemikiran rakyat yang sesuai

dengan arus peredaran masa. Seni persembahan Dikir Barat ini telah berkembang pesat dengan tertubuhnya beberapa kumpulan Dikir Barat di tanah air (Ghazali Abdullah 1995). Namun begitu, permainan ini telah menjalani beberapa proses perubahan serta pembaharuan. Terdapat pelbagai elemen yang dapat dilihat daripada seni persembahan Dikir Barat.

Dikir Barat adalah satu seni persembahan tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu terutamanya di Kelantan. Perkembangan seni ini unik kerana Dikir Barat sering berubah bentuk dari semasa ke semasa mengikut perkembangan zaman. Dikir Barat bukan sahaja berfungsi sebagai arena hiburan tetapi juga mampu menyampaikan amanat ataupun mesej kerajaan kepada rakyat dengan berkesan dengan lagu-lagu yang disampaikan dalam mengubah cara penghidupan dan pemikiran rakyat yang sesuai dengan arus peredaran masa. Seni persembahan ini telah berkembang pesat dengan tertubuhnya beberapa kumpulan Dikir Barat di tanah air. Pada masa yang sama, persembahan ini telah menjalani beberapa proses perubahan serta pembaharuan. Terdapat pelbagai elemen yang dapat dilihat daripada seni persembahan Dikir Barat sama ada dari segi asal usul, struktur persembahan mahupun dari sudut sosiologinya.

Orang Melayu sememangnya kaya dengan pelbagai jenis seni persembahan yang dijadikan sebahagian amalan hidup di dalam aktiviti kesenian yang merangkumi adat, tradisi dan budaya dalam masyarakat kita. Kesemua kesenian ini telah menjadi tunjang kepada kebudayaan masyarakat Melayu sejak turun-temurun lagi. Dengan wujudnya kesenian seperti ini, identiti masyarakat Melayu lebih terserlah dan dikenali ramai. Antara jenis-jenis seni persembahan yang terdapat dinegara kita adalah seperti Tarian Zapin,

Kuda Kepang, Mak Yong, Menora, Wayang Kulit, main Puteri, Tarian Asyik dan sebagainya.

Contohnya di Kelantan lebih terkenal dengan seni persembahan wayang kulit dan juga Dikir Barat. Kedua-dua persembahan ini membuatkan Kelantan lebih unik dari keseniannya kerana permainan wayang kulit kaya dengan pelbagai cerita dan hikayat. Manakala Dikir Barat pula menjadi unik adalah sering berubah-ubah mengikut keadaan semasa yang berlaku dalam masyarakat.

Seni persembahan Dikir Barat sememangnya meluas yang boleh dikaji. Namun begitu dalam bab ini pengkaji hanya memfokuskan kajiannya kepada peranan media di dalam memodenisasi Dikir Barat. Disini pengkaji cuba menjalankan kajian sekitar kawasan Besut, Pasir Mas dan Kota Bharu sahaja.

1.7 Kekangan Kajian

Setiap kajian yang hendak dijalankan semestinya tidak boleh lari dari permasalahan. Begitu juga dengan pengkaji, pelbagai situasi yang mungkin akan dihadapi oleh pengkaji apabila ingin menjalankan kajian ini. Antara faktor-faktor yang dimaksudkan tersebut ialah:

- a) Kekurangan bahan rujukan – Seperti yang kita ketahui dalam menjalankan sesuatu kajian keperluan bahan rujukan amatlah penting. Di sini pengkaji menghadapi masalah dari segi dapatan bahan rujukan yang cukup. Bagi mengatasi masalah ini pengkaji mengambil keputusan keluar Kelantan seperti ke Perpustakaan Negara di Kuala Lumpur untuk mendapatkan buku-buku yang dapat dijadikan rujukan.
- b) Masalah kewangan – Suka dimaklumkan bahawa pengkaji masih lagi belajar jadi masalah dari segi keewangan dalam menjalankan kajian adalah satu kekangan. Untuk mengurangkan masalah ini pengkaji cuba menghadkan perjalan semasa membuat penyelidikan bertujuan mengurangkan kos perbelanjaan.
- c) Pengangkutan – Kekangan yang terakhir kepada pengkaji adalah dari segi pengangkutan. Bagi mengatasi masalah ini pengkaji telah mengambil keputusan untuk menyewa kenderaan. Selain itu pengkaji juga telah berkongsi dengan pengkaji lain menyewa kenderaan untuk mengurangkan kos bagi perbelanjaan lain.

1.8 Terminologi Kajian

Dalam terminologi kajian ini terdapat empat patah perkataan dalam kajian yang perlu ditekankan dari segi pengertian dan konsepnya. Antaranya adalah:

- 1) Dikir ; Menurut Kamus Dewan, Dikir didefinisikan sebagai ucapan doa untuk memuji-muji rasul biasanya dengan berlagu (lazimnya diadakan pada maulud Nabi). Selain ucapan doa, menurut Kamus Dewan juga, Dikir dapat didefinisikan sebagai lagu atau nyayian dengan berpantun yang dilakukan beramai-ramai,nyayian beramai-ramai sambil berbalas-balas pantun (Kamus Dewan Edisi Keempat 2007:351).
- 2) Barat ; Manakala perkataan "Barat" pula orang kelantan memahaminya dengan pengertian "Negeri Siam" atau "Negeri-negeri di Selatan Siam". Jadi perkataan "Barat" disini tidaklah bererti negeri-negeri Eropah. Orang kelantan memang mengenal Selatan Siam itu sebagai negeri Barat. .(Wiliam P.Malm 1974:19).
- 3) Moden : Menurut kamus dewan,moden ialah sesuatu yang adjektif. Perkataan moden ini pada asalnya daripada bahasa Inggeris iaitu (modern) yang membawa maksud terkini, terkemas kini, terbaru, terakhir, semasa, dan mutakhir. (Kamus Dewan Edisi Keempat).
- 4) Media : Kamus Dewan Edisi Keempat juga telah mengklasifikasikan media adalah alat komunikasi dalam perhubungan sama ada media elektronik atau cetak. Media elektronik adalah seperti radio, televisyen dan lain-lain. Manakala media cetak pula terdiri daripada bahan berupa cetakan atau terbitan yang terdiri daripada majalah dan surat khabar yang dapat menyampaikan maklumat kepada orang ramai dalam masa yang pantas. (ibid).

1.9 Kesimpulan


Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada perbincangan dalam bab satu ini sememangnya Dikir Barat ini merupakan salah satu seni persembahan yang popular di Negeri Kelantan yang mana dapat membentuk masyarakat dari segi akhlak dan moral dari segi lagunya yang banyak mempunyai mesej dan pengajaran. Dikir Barat ini juga adalah satu bahan ataupun alat yang berkesan digunakan oleh kerajaan dalam menyampaikan sesuatu amanat. Namun begitu, Dikir Barat ini juga telah berubah mengikut arus komedienan yang dicapai. Oleh hal yang demikian, Dikir Barat ini telah berubah dari segi lanskap, struktur serta gaya persembahannya disebabkan kemajuan negara yang dicapai dalam teknologi terutamanya dari sudut media. Kehadiran media ini telah mengubah Dikir menjadi lebih moden dari segi penyampaian. Begitulah hebatnya bagaimana media ini memainkan peranan mengubah Dikir Barat menjadi lebih popular.

Tanpa diduga melalui perubahan yang berlaku pada Dikir Barat ini telah menjadi salah satu sumber ekonomi kepada negara melalui jualan VCD lagu-lagunya yang semakin mendapat tempat dihati masyarakat hari ini. Walaupun begitu, harus juga kita lihat disamping kehadiran media ini membawa kebaikan, ada juga keburukan yang perlu kita tahu iaitu hilangnya keaslian seni persembahan tradisional rakyat Kelantan yang selama ini dapat kita banggakan. Jika hal ini berterusan kemungkinan generasi akan datang tidak lagi dapat membezakan


Dikir Barat tradisional dan juga moden disebabkan sudah tiada lagi keaslian di dalam persembahannya.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan membincangkan tentang ulasan-ulasan yang telah dibuat oleh tokoh-tokoh berkaitan dengan penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji. Sorotan kajian ini penting kerana ianya dapat membantu dan dapat dijadikan panduan untuk pengkaji dalam menjalankan kajian.

Mohd Ghazali (1995), kajiannya banyak menceritakan tentang asal-usul serta sejarah Dikir Barat yang mula bertapak di negeri Kelantan. Dalam kajian beliau mengenai asal-usul beliau telah mengemukakan beberapa teori tentang kedatangan Dikir Barat ini mula bertapak di negeri Kelantan. Salah satu daripada teori tersebut ialah Dikir Barat berasal dari Patani. Menurut beliau, sebenarnya Dikir Barat atau lebih terkenal dengan nama dikir karut, dibawa dari Patani iaitu salah satu tempat di negara Thailand. Ini tidak dapat dinafikan pada satu ketika dahulu negeri Kelantan ini pernah diperintah

oleh kerajaan Siam Rakyat kedua-dua buah negeri ini sering berulang alik dan secara tidak langsung dikir dibawa dari sana dan diterima pakai oleh masyarakat Kelantan.

Pada masa yang sama dalam kajian beliau terdapat teori-teori mengenai asal usul Dikir Barat antaranya ialah Dikir barat berasal dari Pulau Kerengga, Dikir Barat berasal dari budak-budak penjaga lembu dan Dikir Barat berasal dari Pulau Tebu. Selain itu, Ghazali juga turut menekankan tentang peranan Dikir Barat dalam masyarakat Kelantan. Dari segi peranan ini beliau telah megupaskan bahawa Dikir Barat dipersembahkan sebagai hiburan ataupun pertandingan. Dikir Barat turut dimaikan oleh masyarakat tani semasa musim menuai padi serta majlis perkahwinan dan juga berkhatam.

2.2 Kajian Literatur dan Kajian Lepas

Kajian tentang asal usul Dikir Barat ini turut dilakukan oleh Abdul Hadi Yusuf (2006), dimana asal-usul Dikir Barat ini telah diasaskan oleh seorang tokoh yang bernama Pak Leh Tapang. Berdasarkan kajian Abdul Hadi, Pak Leh Tapang ialah pengasas Dikir Barat dan telah kembali ke rahmatullah pada 17 mac ketika berusia 79 tahun. Pak Leh Tapang atau nama sebenarnya Haji Mat Salleh bin Haji Ahmad adalah orang yang mula berdirikir sejak tahun 1940-an dulu. Beliau yang dilahirkan pada tahun 1927, di kampung Tapang, Panji, Kota Bharu dan mendapat

pendidikan di Sekolah Melayu Rambutan Rendang telah berminat dalam bidang seni seterusnya bergerak aktif dalam Pasukan Rebana Kampung Tapang. Beliau pada awalnya bermula sebagai tukang cipta pantun yang akhirnya dikenali sebagai Dikir Barat pada tahun 40-an. Jelasnya lagi istilah tukang karut dalam Dikir Barat ini juga adalah idea Pak Leh sendiri. Antara orang yang mula meniru pantun-pantun yang dibawa oleh Pak Leh Tapang ialah Dollah dari kampung Belimbing. Sebelum Pak Leh memperkenalkan Dikir Barat sudah, istilah "dikir" sudah pun popular dalam kalangan masyarakat dikir rebana, dikir yadah dan rebana kercing. Tambah Abdul Hadi lagi, Allahyarham Pak Leh Tapang sebab-sebab dinamakan Dikir Barat adalah kerana pada awal tahun 40-an orang Kelantan telah berhijrah ke Thailand untuk mencari pekerjaan di sana. Justeru mereka inilah yang membawa balik ke negeri Kelantan, irama dan seni kata dari Thailand lalu dinamakan "Lagu Barat".

Brennan (2001) pula dalam kajiannya melihat kepada peranan sosial politik dalam Dikir Barat. Menurut Beliau dalam membentuk kebudayaan Melayu di Kelantan di bawah kepimpinan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang kuat berpegang kepada agama Islam telah melihat dari segi seni utama iaitu Dikir Barat, Makyong dan Wayang Kulit yang banyak campuran Hindu dan Melayu dalam persembahannya.

Raja Iskandar, (2010), dalam kajiannya bertajuk "Creative Dynanism of Dikir Barat" telah menjelaskan bagaimana Dikir Barat dapat mempertahankan tahap popularitinya di kalangan orang Melayu. Menurutnya lagi nilai kreativiti

yang terdapat dalam Dikir Barat ialah dengan melihat benda kecil menjadi benda besar conyohnya masyarakat melihat kerbau di padang lalu dijadikan lagu untuk dihiburkan. Selain itu kreativiti yang terdapat dalam Dikir Barat ini ialah mampu meniru muzik lain untuk dijadikan lagu baru.

Kajian berkaitan lagu-lagu karut dan tukang karut dalam persembahan persembahan Dikir Barat telah dilakukan oleh Ahmad Fathi Ibrahim (2007), di mana telah disenaraikan jenis-jenis lagu karut yang dinyanyikan serta menjelaskan bahawa tukang karut merupakan orang yang memainkan peranan yang penting dalam persembahan Dikir Barat. Dalam kajian ini beliau telah menyenaraikan beberapa jenis lagu karut serta menjelaskan bagaimana ianya dimainkan dalam Dikir Barat yang sering dibawa oleh tukang karut antaranya ialah Karut Yengki Panjang, Karut Kelantan (Karut Cepat), Karut Matang (Lagu Rakyat), Karut Tani (Patani), dan Karut Irama Wau Bulan. Menurutnya lagi kesemua lagu karut ini mempunyai lenggok suara yang tersendiri dan perlu dikuasai oleh tukang karut semasa mendendangkan irama ini. Manakala dari segi peranan tukang karut dalam Dikir Barat ini pula beliau menjelaskan bahawa tukang karut ini adalah orang yang sangat penting(utama) yang memainkan peranan dalam pasukan Dikir Barat. Tugas tukang karut ialah berpantun serta membawa kepada penyambung cerita daripada Tok Joro (Tok Juara). Disini beliau juga turut menyenaraikan tukang karut yang terkenal dan sinonim dengan nama meraka termasuklah seperti Seman Wau Bulan, Dollah Kulat Malam, Awang Ikan Duyung, Ismail Baju Jarang dan ramai lagi. Dalam kajian beliau ini juga turut dijelaskan tentang sikap ataupun

cirri-ciri yang perlu ada pada seseorang tukang karut. Bagi mendapatkan fakta yang lebih jelas lagi tentang peranan tukang karut ini Ahmad Fathi telah menemubual dua orang tokoh tukang karut yang disegani iaitu cikgu Sulizi Awang dan Tuan Kob Raja Saring. Antara kriteria-kriteria yang perlu ada itu ialah perwatakan yang baik, ilmu pengetahuan yang luas, suara yang baik serta sedap didengar, improvisasi badan yang menarik, kebolehan membawa dan mencipta lagu sendiri, dan kesrasian dengan awok-awok. Jelas beliau lagi, kesemua elemen ini adalah penting dalam menuju kepada perwatakan yang unggul disamping dapat menonjolkan kenggunaan tukang karut itu sendiri supaya dapat menjadi ikutan yang baik kepada para peminat.

Manakala permasalahan tentang isu semasa dalam dikir barat telah dijalankan oleh Majalah Mastika (2010), di mana telah membongkar tentang permasalahan yang ada dalam Dikir Barat sekarang ini telah berubah berubah corak dari segi persembahannya. Mengikut penyelidikan yang dibuat oleh pihak Mastika mendapati telah timbulnya unsur negatif hasil daripada penghasilan VCD Dikir Barat `Gerudi Inul sekaligus telah memalukan penggiat dan peminat dikir barat di Malaysia. Ketidakpuasan hati itu telah diluahkan oleh seorang peminat dikir barat yang berasa bertanggungjawab untuk bersuara kerana malu dengan situasi itu. Beliau telah melihat lelaki-lelaki yang sedang menyaksikan gadis-gadis yang melakukan adegan goyang Inul semuanya membuntang biji mata. Tidak cukup dengan itu pakcik-pakcik yang pakai kopiah pun meleleh-leleh air liur melihat aksi gadis-gadis genik ini bergoyang dan bergelek. Mengikut temubual

yang dibuat sebenarnya yang berlaku dalam seni Dikir Barat hari ini adalah bukan satu transformasi tetapi exploitasi yang mendiskriminasi kepada kaum perempuan. Apa yang paling membimbangkan masyarakat ialah perkara ini sudah lama berlaku dan tersebar luas di internet. Ini bermakna masyarakat luar dapat melihat situasi ini sekaligus akan memandang hina seni warisan yang sudah lama diagung-agungkan oleh orang-orang Kelantan. Dikir Barat yang dahulunya mengajak kepada kebaikan telah berubah bentuk persembahannya dengan visual yang menghairahkan.. Jika keadaan ini berterusan lama-kelamaan kesenian Dikir Barat akan punah-ranah disebabkan orang-orang yang tidak bertanggungjawab cuba tahu mengambil kesempatan mengaut keuntungan sahaja. Konsep erotik yang dibawa itu sangat bercanggahan dengan nilai-nilai murni yang ada pada Dikir Barat, orang Melayu dan agama Islam. (dikir barat.net)

Zaharan Razak, (2008), berpendapat mungkin salah satu daya tarik terbesar dari Dikir Barat adalah kemampuannya untuk melihat sesuatu subjek atau objek remeh duniawi dan membawanya ke kehidupan mengundang para penonton untuk melihat akrab dengan humor atau dalam cahaya baru. Pengamal Dikir Barat akan berteriak-teriak dan meratap tentang kerbau air mengalir lepas, katak membuat keributan di malam hari dan tokek rumah mereka yang hidup berasingan dalam rumah tangga manusia. Anda tidak akan dapat melihat seekor cicak dengan cara yang sama lagi setelah mendengar Cikgu Naim memberikan perlakuan *backhanded* nya. Anda akan tersenyum malu-malu, atau sengaja, mendengar Munirah (ya ada juga pengamal wanita) memuat menggali agak

bersifat cabul tentang kurangnya kawalan kelahiran di "Anak Tok De Besar, Nok Boleh Hok Lain Pulok ..." (zveloyak.blogspot.com)

Firsan Nova, (2009), telah mengupaskan kajiannya dari pengertian serta fungsi media. Media merupakan saluran penyampaian pesan dalam komunikasi antara manusia. Berdasarkan sifatnya media terdiri daripada dua iaitu media cetak dan media elektronik. Media cetak merupakan pelbagai barang yang dicetak seperti surat khabar, majalah, pement, dan lain-lain. Manakala media elektronik pula ialah seperti televisyen, radio, website dan sebagainya. Dalam kajian beliau menurut McLuhan, media massa adalah satu alat yang membolehkan pengetahuan kepada pancaindra manusia. Melalui media massa manusia akan memperoleh pelbagai sumber informasi tentang benda, orang atau tempat yang tidak pernah kita alami secara langsung. Media massa bekerja sebagai alat penyampai informasi kepada khalayak yang dapat membentuk, mempertahankan atau mendefinisikan citra. Firsan, dalam kajiannya telah menggalurkan fungsi media massa secara umum. Fungsi yang pertama ialah media massa memiliki fungsi penghantar bagi semua ilmu pengetahuan. Jadi media massa memainkan peranan sebagai institusi penghantar maklumat. Yang kedua ialah media berfungsi menyelenggara kegiatan dalam kalangan umum. Pada dasarnya media dapat diperolehi oleh segenap lapisan masyarakat secara sukarela, meluas dan murah. Peranan yang ketiga ialah media massa memainkan peranan sebagai sekolah orang-orang tua, agama dan lain-lain kerana penggunaannya menjangkau luas oleh lapisan masyarakat daripada institusi lain.

Dari sudut kepentingan media pula telah diketengahkan oleh Utusan Malaysia(2011), dalam satu artikel yang bertajuk ” Media Penting Angkat Martabat Bahasa Melayu” dimana telah mengatakan media elektronik berperanan penting dalam mengangkat martabat bahasa Melayu serta pematuhan kepada dasar penggunaannya sebagai bahasa kebangsaan seperti termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Menurut , Prof. Dr. Awang Sariyan, Penyanggong Pertama Kursi Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di Universiti Beijing, China, media merupakan tunjang utama dalam pelaksanaan dasar bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini. Jelasnya peranan itu boleh dilakukan dengan memastikan bahasa yang digunakan dalam penerbitan dan penyiaran berita adalah tepat dan sempurna serta mengambil kira kesantunan. Usaha peneguhan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah tanggungjawab semua pihak termasuk pengamal media kerana secara amnya golongan ini menggunakannya secara meluas sebagai alat berkomunikasi dengan masyarakat. Komitmen ini perlu ketika penggunaan bahasa rojak atau bahasa pasar semakin berleluasa di kalangan masyarakat Malaysia sehingga menyebabkan bahasa kebangsaan itu terus dipinggirkan. Justeru itu, penggunaan aspek kesantunan dalam bahasa kebangsaan harus dijadikan budaya bagi masyarakat di Malaysia.

Saodah Wok, Narimah Ismail, Mohd. Yusuf Hussain, (2003) pula telah telah membicarakan tentang model dan teori pengaruh media massa serta teori dan kesan media massa. Menurut beliau, Media merupakan satu alat komunikasi atau salah satu cara perhubungan untuk menyampaikan maklumat kepada pengguna

sama ada melalui tv, radio, surat khabar, majalah dan sebagainya. Media amat berkait rapat dengan komunikasi yang merupakan sesuatu perkara yang asas seperti mana keperluan kita untuk makan, tempat tinggal dan juga pakaian. Begitulah juga komunikasi kepada kita kerana kita tidak akan dapat makan, pakaian atau tempat tinggal kalau kita tidak boleh berkomunikasi. Kenyataan ini juga turut dikemukakan oleh Saodah Wok (2003), melalui teori pergantungan yang dihasilkan oleh Bell-Rokeach (1976). Teori ini memberi gambaran bagaimana Masyarakat memerlukan memerlukan media massa sehingga mewujudkan keadaan di mana seseorang individu merasakan seolah-olah tugas harian mereka tidak lengkap jika tidak membaca akhbar, atau tidak dapat menonton berita di televisyen. Kita sendiri tentu biasa mengalami keadaan ini iaitu dimana kita merasakan berita yang didapati melalui media massa ini dilihat amat penting kepada masyarakat dalam kehidupan seharian. Dengan media juga kita dapat mengubah taraf pengetahuan dengan lebih tinggi, sikap dan perlakuan selepas terdedah kepada mesej yang disampaikan oleh media tersebut.

Walaupun terdapat kebaikan yang kita peroleh daripada media, namun ianya juga turut memberi kesan yang berpengaruh sekali terutamanya kepada kanak-kanak. Mereka belum dapat menilai dengan lebih kritikal, jadi apa yang dilihat, dipercayai, diikuti dan dilakonan semula. Begitulah berkesannya media massa dalam menukar pemikiran, sikap dan perlakuan penonton yang terdedah kepada media itu. Keadaan ini dapat dinilai kepada individu yang mengambil tempoh masa yang lama untuk menonton tv iaitu selama 4 jam dan lebih. Sebagai

contoh, apabila seseorang individu menonton dengan kerap terutamanya kerap kali ditonjolkan mengenai peperangan, bencana, wabak penyakit dan sebagainya ianya akan mengundang perasaan takut sepanjang masa terhadap keganasan yang berlaku ke atas dunia. Gelagat ini diambil melalui Teori Penanaman (ibid).

2.1 Kesimpulan

Apa yang dapat disimpulkan dalam bab ini setelah proses pengumpulan hasil-hasil kajian diambil dan dilihat pengkaji telah mendapati kajian-kajian yang lepas banyak berkisarkan tentang sejarah Dikir Barat, peranan juara, tukang karut dan awok-awok serta menceritakan cara persembahan dibuat. Sementara itu kajian dari segi media pula lebih memfokuskan kepada pengertian, peranan, pengaruh dan kesan. Semasa proses analisis dan pemerhatian ini dibuat pengkaji telah mengambil keputusan untuk menggabungkan kedua-dua elemen ini iaitu media dan dikir barat untuk dijadikan tajuk kajian. Lantaran itu, pengkaji telah mengambil keputusan untuk memilih kajian peranan media di dalam memodenisasi Dikir Barat sebagai tajuk kajian.



BAB 3

KAEDAH KAJIAN

3.1 Pengenalan

Terdapat dua Kaedah ataupun sumber yang sering digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan iaitu dalam bentuk kualitatif dan kuantitatif. Kedua-dua sumber ini amat penting bagi memperoleh pelbagai maklumat tentang kajian bersesuaian dengan matlamat

kajian. Ini kerana, kedua-dua kaedah ini merupakan cara terbaik bagi mendapatkan maklumat dan data dengan segera. Dalam bab ini akan menerangkan kaedah kajian yang akan digunakan oleh pengkaji semasa melakukan kajian. Bagi menjalankan kajian ini pengkaji elah memilih kaedah kualitatif iaitu primer dan sekunder. Hal ini adalah bertujuan menjamin kualiti kajian, kesahihan dan kebenaran tentang maklumat yang diperoleh dalam kajian. Fakta yang benar akan memperkukuhkan lagi kajian-kajian yang dibuat.

3.2 Kaedah Kajian

Bagi menjalankan kajian ini pengkaji telah memilih kaedah kajian berbentuk kualitatif. Kualitatif bermaksud sesuatu data yang tidak boleh dikira tetapi boleh dilakukan dengan membuat kajian berdasarkan kajian perpustakaan dan lapangan.

3.2.1 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan ini pengkaji membuat pemerhatian dalam sumber pembacaan buku serta tesis yang diterbitkan. Hal ini demikian kerana pengkaji perlu mencari kajian-kajian lepas mengenai Dikir Barat serta media yang telah dibuat oleh pengkaji lepas. Selain itu pengkaji juga turut merujuk kepada sumber lain seperti, internet, majalah, jurnal dan surat khabar kerana kesemua sumber ini banyak menerbitkan isu-isu semasa mengenai Dikir Barat mahupun media yang perlu di ambil oleh pengkaji untuk dijadikan bahan rujukan semasa menjalankan kajian. Kajian perpustakaan ini juga turut melibatkan rakaman audio


serta video. Oleh itu pengkaji perlu merujuk sebarang rakaman audio mahupun video yang berkenaan dengan tajuk kajian. Rakaman video ini amat penting dalam kajian ini kerana dapat memberi data penting terutamanya dari segi lagu dan cara persembahan. Data sebegini rupa dapat membantu pengkaji menguatkan lagi fakta, data dan maklumat yang diperolehi. Apabila kesemua maklumat ini telah terkumpul, pengkaji seterusnya akan membuat analisis terhadap setiap bahan yang diperolehi sama ada dari temubual, lapangan, pemerhatian, teks mahupun perpustakaan bagi melicinkan lagi proses kajian.

3.2.2 Kajian Lapangan

Bagi kajian lapangan ini pengkaji akan mendapatkan data-data mengenai tajuk kajian dengan cara membuat sesi temuramah. Bagi mendapatkan data yang tepat pengkaji akan keluar menemuramah pengiat-penggiat dan peminat yang pakar di dalam seni persembahan Dikir Barat. Hal ini adalah penting bagi mendapatkan bahan rujukan penting dari mereka yang tahu serta pakar supaya dapat melicinkan proses kajian dengan lebih lancar. Di samping itu, Pengkaji juga akan menemuramah orang daripada pihak media, syariaht rakaman dan juga artis-artis Dikir Barat. Selain itu pengkaji turut membuat soal selidik cendekiawan dan selalu berjumpa pensyarah bagi mendapatkan dapatan kajian yang diperlukan dengan cukup untuk dianalisis.

Pemerhatian lapangan juga turut dilakukan bagi pengkaji semasa bagi menjalankan kajian seperti ini. Pemerhatian ini dibuat dari segi melihat sendiri bagaimana persembahan ini serta latihan ini Dikir Barat ini dibuat dengan melawat tempat rakaman audio serta video Dikir Barat ini. Dengan ini pengkaji perlu mencatat serta merokod setiap

penemuan daripada pemerhatian yang dilakukan bagi membuat serta menganalisis setiap dapatan kajian yang diperoleh hasil daripada kajian ini.



RAJAH 2

3.3 Prosedur Kajian

Terdapat beberapa prosedur yang perlu dilakukan oleh pengkaji dalam mendapatkan bahan atau maklumat bagi kajiannya. Antaranya ialah pengkaji melakukan berdasarkan kajian teks perpustakaan bagi melengkapkan data kajian dengan berpandukan buku, internet, jurnal, majalah tesis serta rakaman audio dan video khususnya untuk mendapatkan sorotan kajian mengenai tajuk yang dikaji.

Pada peringkat pertama, pengkaji akan mencari dan mengumpulkan buku-buku serta tese yang mempunyai kaitan dengan seni persembahan Dikir Barat. Buku-buku yang berjaya dikumpul oleh pengkaji akan di analisis kandungannya sama ada boleh diterima pakai atau sebaliknya dan sesuai atau tidak. Apabila telah mengenalpasti buku-buku yang boleh diterima pakai pengkaji akan mula memilih isi kandungan tersebut untuk dibuat rujukan dan sorotan kajian. Seterusnya, pengkaji mula menganalisis dengan membaca setiap kandungan dan mencatat kesemua fakta dan data dalam setiap buku tersebut bagi memperoleh

maklumat tentang seni persembahan Dikir barat serta peranan media. Ini kerana di dalam setiap buku tersebut terdapat perincian yang jelas berkenaan seni warisan persembahan ini.

Pada peringkat kedua pula. Pengkaji akan melakukan kajian dari segi lapangan. Kajian lapangan ini melibatkan proses soal selidik pengkaji yang mengutarakan soalan-soalan berkenaan Dikir Barat kepada pengiat ataupun peminat. Setelah mendapatkan data-data daripada penggiat serta peminat pengkaji seterusnya menemuramah pihak syariaht rakaman dan juga pihak media bagi mendapatkan data yang selanjutnya berkenaan dengan kehendak kajian. Setelah hasil hasil kajian ini diperolehi secukupnya pengkaji akan terus kepada bab seterusnya yang melibatkan dapatan kajian.


3.4 KESIMPULAN

Apa yang dapat disimpulkan disini ialah jelaslah bahawa dalam menjalankan kajian ini pengkaji telah memilih kaedah kualitatif iaitu pengkajian secara pengumpulan data-data berdasarkan kajian perpustakaan dan lapangan yang melibatkan rujukan buku dan temuramah. Hal ini sedikit sebanyak dapat dibuktikan dengan hasil daripada maklumat-maklumat yang telah didapati daripada buku-buku serta tesis dan dimasukkan dalam bab dua iaitu sorotan kajian.

Antara sebab pengkaji menggunakan kaedah kualitatif ini dalam kajiannya adalah untuk mendapatkan data serta maklumat yang jelas supaya dapat mengukuhkan lagi fakta yang ada tentang peranan media yang terdapat dalam seni persembahan dikir barat ini serta bersesuaian dengan tajuk kajian yang dijalankan.


BAB 4

UNIVERSITI



MALAYSIA

DAPATAN KAJIAN



KELANTAN

4.1 Pengenalan

Bab ini merupakan sesuatu yang amat penting dalam sesebuah kajian yang dibuat oleh seseorang pengkaji. Hal ini demikian kerana, dalam bab ini pengkaji akan menghuraikan dan merumuskan hasil dapatan kajian yang diperoleh sepanjang menjalankan kajiannya. Dalam bab ini, kita akan membincangkan tentang transformasi yang berlaku dalam seni persembahan Dikir Barat ekoran daripada kesan pengaruh media.

4.1.1 Media

Kamus Dewan Edisi Keempat (2011) mengistilahkan media sebagai alat perantara komunikasi perhubungan seperti radio, televisyen dan akhbar. Lantaran itu, boleh disifatkan media merupakan satu bahan komunikasi yang berperanan menghubungkan manusia dengan pelbagai maklumat tanpa sempadan. Media yang terdiri daripada media cetak dan juga elektronik telah menjadi pengaruh yang kuat di dalam mempopularkan sesuatu contohnya lagu dan cerita. Kini, media telah menjadi elemen penting dalam menyampaikan maklumat secara pantas. Malah, media juga berfungsi sebagai medium yang berkesan untuk menyampaikan mesej kepada rakyat. Dalam era globalisasi ini boleh dikatakan pelbagai pihak menggunakan media sebagai bahan untuk menyampaikan dan menerima informasi. Oleh yang demikian, dengan kewujudan kedua-dua bahan ini sedikit

sebanyak telah mengubah transformasi kepada Dikir Barat terutama setelah munculnya stesen radio dan televisyen.

Apabila munculnya stesen radio di Kelantan iaitu suatu ketika dahulu digelar Radio Kota Bharu telah melakar era baru dalam persembahan Dikir Barat. Dahulu sebelum adanya radio, Dikir hanya dimainkan di kampung-kampung sahaja. Jadi untuk menonton persembahan Dikir Barat ini peminat-peminat perlu memasuki kampung sama ada dikenakan bayaran ataupun percuma. Tetapi setelah adanya industri radio ini, masyarakat secara meluas boleh dengar lagu-lagu Dikir Barat yang dimainkan. Pada masa yang sama, impak tertubuhnya radio ini adalah bermulanya industri rakaman dan lagu Dikir Barat mula dirakam untuk dimainkan di corong-corong radio. Faktor ini menjadikan Dikir Barat telah tersebar secara meluas di pelusuk negeri kerana lagunya sering diputarkan oleh stesen-stesen radio.

4.1.2 Modenisasi

Merujuk juga kepada Kamus Dewan Edisi Keempat (2011) modenisasi merujuk kepada perihal atau perbuatan memodenkan dengan kata lain para sasterawan menjadi penggerak utama dalam proses pemodenan ini. Oleh yang demikian, Modenisasi ialah tentang perubahan masyarakat yang berlaku sama ada dari segi sosial mahupun ekonomi. Perubahan ini terjadi ekoran daripada lahirnya pengaruh-pengaruh luar globalisasi dari aspek teknologi. Bermulanya kemajuan teknologi telah banyak mengubah perkembangan media. Media telah berubah dari satu tahap ke satu tahap.

Pada awal kewujudan media ini bermulanya industri rakaman terutamanya industri penyiaran radio dan juga televisyen. Industri rakaman ini telah membawa perubahan besar kepada teknologi baru iaitu dengan penghasilan kaset, CD, VCD dan DVD. Selepas itu, muncul pula teknologi baru yang sememangnya telah membawa impak besar kepada masyarakat dunia dalam pelbagai aspek iaitu era internet. Di zaman ini kita mampu mendapatkan segala maklumat dengan pantas dan sekaligus telah membawa perubahan besar kepada perubahan sosial dan ekonomi masyarakat.

4.1.3 Dikir Barat

Menurut Ghazali Abdullah (1995), Dikir Barat adalah suatu persembahan tradisional yang paling digemari oleh masyarakat melayu Kelantan. Pada awalnya persembahan ini wujud dalam kalangan biasa di kampung-kampung dan pinggir bandar. Dalam persembahan Dikir Barat terdapat satu kumpulan yang diketuai oleh seorang Tukang Karut dan Tok Juara. Mereka akan mengarut dan sambil berbalas pantun dan diikuti awak-awak sebagai suara latar dengan suara yang kuat dan lantang. Beliau juga turut memperjelaskan bahawa Dikir Barat ini boleh dipersembahkan sebagai hiburan ataupun dipertandingkan, Persembahan ini biasanya dimainkan oleh masyarakat pada musim menuai padi dan di majlis perkahwinan. Perkembangannya sukar diatasi kerana ianya sering berubah mengikut perkembangan zaman.

Manakala Harun Daud (temuramah, 2011) pula, Dikir Barat pada konsep awal adanya Tok Juara, awak-awak dan Tukang Karut. Pada awal persembahan lagu akan

dinyanyikan oleh Tukang Karut akan diikuti oleh awok-awok yang diulang beberapa kali. Kebanyakan lagu yang dimainkan adalah berunsur mesej dan pengajaran. Kemudian Tok Juara pula akan memainkan peranannya dengan mengarut lagu-lagu atau berpantun secara spontan menandakan akan berakhirnya sesuatu persembahan tersebut.

4.2. DAPATAN KAJIAN

4.2.1 KESAN MODENISASI DALAM PERSEMBAHAN DIKIR BARAT

EKORAN PENGARUH MEDIA



Rajah 4.1

Rangka kajian kesan modenisasi dalam Dikir Barat yang dibawa oleh media.

4.2.2 SENI PERSEMBAHAN

Setelah proses penelitian dijalankan secara mendalam, didapati persembahan Dikir Barat sememangnya telah berubah dari segi struktur persembahannya. Hal ini demikian kerana, hadirnya media serta teknologi baru sekaligus telah mencorak elemen baru dalam persembahan Dikir. Dapat dikaitkan juga dengan Dikir Barat yang dikatakan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman sedikit sedikit sebanyak menjadi faktor berlakunya perubahan dari segi persembahan seseuai dengan arus yang dibawa oleh kecanggihan teknologi.

Dari segi persembahan pula pengkaji melihat kepada dua iaitu perbezaan corak persembahan Dikir Barat tradisional dan moden. Jika diperhatikan Dikir Barat tradisional cara persembahannya dilakukan di sebelah malam sahaja. Dalam permainan ataupun persembahan Dikir Barat tradisional ini selalunya mempunyai dua kumpulan yang mengambil bahagian dalam satu masa. Mereka akan berbalas pantun, sindir-menyindir ibarat orang berkelahi. Walau bagaimanapun, keadaan ini hanya dianggap sebagai hiburan dan disampaikan dalam loghat Kelantan di atas bangsal-bangsal yang didirikan. Manakala awok-awok Tukang Karut dan Juara pula akan mengambil tempat masing-masing iaitu duduk bersila mengelilingi pembesar suara ibarat orang sedang menghadapi satu hidangan. Di samping, persembahan Dikir Barat hanya diadakan di kampung-kampung dan ini sekali gus akan menjadikan masyarakat lebih dekat dengan seni warisan ini.

Namun, setelah munculnya media dan pengaruh-pengaruhnya yang telah dibawa masuk dalam dunia Dikir Barat sekaligus menyebabkan berlakunya revolusi baru dalam persembahannya. Pada awal kemunculan media, Dikir telah dijadikan pertandingan yang dianjurkan oleh pihak media menyebabkan Dikir semakin popular di setiap negeri. Apabila dijadikan pertandingan secara tidak langsung adanya pakaian khas di didalam persembahan supaya kelihatan lebih menarik. Situasi seperti Dikir dahulu tidak lagi dilakukan apabila Dikir Barat moden ini telah dipersembahkan di pentas-pentas serta telah dijadikan klip video dan telah dikomersialkan.

Sekarang ini penonton tidak perlu lagi bersusah-susah masuk ke kampung untuk melihat persembahan Dikir Barat kerana boleh mendapatkan di kedai-kedai sahaja. Dapat dilihat disini bagaimana seni persembahan ini semakin dibawa arus kemodenan menjadikan satu demi satu perubahan telah berlaku. Terbaru, setelah Dikir dikomersialkan dan menjadi lebih popular satu lagi kemodenan telah berlaku dalam seni persembahan ini dimana telah banyak perubahan yang berlaku dari segi lagu, tarian, kostum, peralatan muzik, dan lirik. Pengkaji cuba untuk mengukuhkan lagi data-data yang diperolehi melalui rujukan satu cakera padat yang bertajuk 'Jagoh 8 Sensasi' keluaran Syarikat Sandsream Entertainment Distributions. Dalam cakera padat itu pengkaji mendapati memang benar Dikir Barat moden ini telah melalui proses perubahan dari segi corak persembahannya



Rajah 1 :

Persembahan Dikir Barat Tradisional

(Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan)



Rajah 2 :

Poster kumpulan Jagoh 8 yang Mewakili Dikir Barat Moden

(Sumber: Sedutan VCD "Jagoh 8 Sensasi")

MALAYSIA
KELANTAN

4.2.3 LAGU

Apabila bercakap tentang Dikir Barat, secara langsung kita sudah dapat bayangkan ianya adalah satu persembahan dimana dengarkan lagu oleh Juara mahupun Tukang Karut. Setiap sastera lisan mempunyai lagu, alunan muzik, diiringi dengan lirik serta not-not lagu yang tersendiri. Kebanyakan lagu yang digubah lebih kepada cerminan tentang kehidupan masyarakat melayu. Selain itu, lagu dalam Dikir Barat ini terkandung mesej dan nasihat yang cuba disampaikan kepada masyarakat

Lagu merupakan satu elemen penting dalam membentuk karya yang hebat dalam persembahan Dikir Barat. Melalui lagu juga seseorang Juara atau Tukang Karut akan lebih dikenali serta diminati ramai. Sebelum kemunculan teknologi baru terutamanya media elektronik lagu-lagu yang dicipta dianggap satu karya murni penyanyi kepada masyarakat kerana karya mereka hanyalah bercorak mesej dan pengajaran. Penyanyi juga sebelum adanya media seperti radio tidaklah dikenali ramai kerana mereka hanya mempersembahkan Dikir di kampung-kampung sahaja. Berlainan pula selepas lahirnya media mereka secara tidak langsung menjadi popular dan dikenali ramai apabila lagu-lagu yang dibawa mereka keluar di corong-corong radio serta di kaca televisyen.

Disamping itu, ada juga dikalangan Juara yang pada awalnya muncul secara kumpulan akhirnya bergerak secara solo disebabkan media. Mereka banyak merakam lagu dan mengeluarkan album sendiri. Dengan cara ini mereka lebih dikenali kerana peminat ukan sahaja dapat mendengar suara malah dapat melihat penyanyi itu sendiri apabila terhasilnya media baru seperti VCD dan DVD. Antara artis dikir generasi baru yang terkenal di Kelantan ialah seperti Zaidi Buluh Perindu, Adik Wani, Man Khan dan

ramai lagi. Di sini dapat kita lihat dimana media turut memainkan peranannya menaikkan nama seseorang artis dengan lagu yang dinyanyikan.

Berbicara tentang media, harus kita sedari ia sememangnya banyak membawa kebaikan kepada sejagat. Namun, penting juga kita buka mata disebalik kebaikan yang dibawa ada juga keburukan yang perlu kita sedar terutamanya dalam lagu Dikir Barat. Apa yang cuba dibangkitkan disini ialah mengenai perubahan dari segi rentak lagu dahulu dan sekarang. Jika dilihat rentak lagu Dikir dahulu dicipta khas oleh penyanyi itu sendiri dan dilagukan dengan rentak yang tersendiri mengikut alunan muzik besertakan mesejnya yang tersendiri. Tetapi berlainan dengan lagu sekarang kebanyakannya banyak mengambil atau lebih tepat lagi dengan kata menciplak retak lagu luar tanpa mementingkan mesej-mesej yang ada dalam lagu.

Untuk mengenal pasti perbezaan lagu-lagu dahulu dan sekarang pengkaji telah mendapatkan tajuk-tajuk lagu tradisional melalui rujukan buku. Manakala bagi mengenal pasti lagu-lagu moden pengkaji telah memperoleh melalui membeli album Dikir yang terbaru yang berjudul "Tokseh Karpet" keluaran Etnik Production. Kedua-dua perbezaan jenis lagu Dikir Barat tradisional dan moden telah disenaraikan oleh pengkaji bagi mengukuhkan lagi setiap isi yang dibangkitkan.

. Antara lagu Dikir Barat tradisional yang terkenal dan menjadi kesukaan ramai masyarakat Kelantan terdahulu ialah :

I. Lagu Wau Bulan

- II. Karut kelantan Cepat
- III. Karut kelantan Anyo'
- IV. Karut Patani
- V. Karut Wok Yoh
- VI. Karut Pendek
- VII. Karut Alo
- VIII. Karut Selampit
- IX. Karut Menora
- X. Karut Jenaka Makyong
- XI. Karut Wau Bulan

Dapat diperhatikan disini lagu-lagu dalam persembahan Dikir Barat tradisional mempunyai lagu karut yang pelbagai rentak. Karut ini didendangkan secara spontan oleh tukang karut dimana di dalamnya terkandung unsur-unsur jenaka dan nasihat. Ianya berbeza dengan lagu yang yang moden sekarang tidak lagi mempunyai lagu-lagu karut dalam persembahan Dikir. Dalam persembahan Dikir Barat dahulu lagu karut ini akan dimainkan di akhir persembahan selepas lagu-lagu yang dipersembahkan oleh Juara bagi menandakan acara Dikir akan tamat persembahannya. Lagu yang paling popular dan digemari oleh masyarakat Kelantan suatu ketika dulu antaranya ialah lagu "Wau Bulan".

Lagu ini dikhabarkan direka sendiri oleh seorang penyanyi iaitu Seman Wau bulan memiliki rentak sendiri dan tidak meniru mana-mana rentak lagu lain.

Berbeza pula setelah Dikir Barat ini mengalami perubahan ke arah kemodenan. Lagu-lagunya tidak lagi menjadi sebagai alat penyampai mesej dan nasihat tetapi telah berubah sepenuhnya sebagai alat hiburan. Manakala jika diperhatikan setelah proses modenisasi berlaku dalam Dikir Barat tiada lagi lagu-lagu karut dimainkan dan dipasarkan. Keadaan ini dapat dilihat melalui lagu-lagu yang dipasarkan sekarang. Hal ini demikian kerana kurangnya permintaan masyarakat terhadap lagu-lagu lama seperti karut. Apabila munculnya media baru seperti televisyen dan radio mereka sering dihidangkan dengan lagu-lagu luar yang dimainkan oleh media tersebut. Dahulu sebelum kedatangan media ini mereka hanya mendengar dan berhibur melalui Dikir tradisional sahaja dan tiada lagi bahan lain untuk dijadikan alat berhibur. Selepas datangnya media barula masyarakat dapat mendengar dan mengenali lagu-lagu luar dari malaysia yang lama kelamaan menghakis minat terhadap alunan Dikir tradisional.

Melihat hanya sebilangan kecil sahaja golongan terutamanya golongan tua yang meminati lagu-lagu Dikir tradisional ini penggiat cuba mengubah struktur nyanyian dalam seni persembahan ini dengan mengadaptasikan lagu yang popular dari luar dan dalam Malaysia untuk dijadikan rentak Dikir. Lagu-lagu moden ini banyak mengikut rentak inggeris, hindustan, dangdut, pop dan yang terbarunya ialah rentak rap. Penggunaan rentak rap ini dapat dibuktikan melalui lagu yang berjudul "Dr. Mental" nyanyian Jemi Intan Berlian. Selain itu, dapat dikenalpasri juga lagunya banyak bertemakan percintaan dan ada juga lagu yang berunsurkan lucu.

Disini pengkaji telah melihat aspek ini daripada satu cakera padat koleksi lagu-lagu Dikir moden yang dikomersialkan iaitu “ Tokseh Karpel” keluaran Etnik Production. Dalam cakera padat ini telah membuktikan semua lagu dalam Dikir Barat sekarang ini telah mengandungi unsur-unsur moden kerana terdapat rentak lagu-lagu popular dari luar dan dalam Malaysia dan diubah lirik serta dinyanyikan dalam loghat Kelantan. Contohnya lagu “Cinta auw..auw” telah diambil oleh lagu “Trouble Is A Friend” nyanyian Lenka. Manakala lagu Tokseh Karpel pula ditiru melalui lagu “Kalau Berpacaran” nyanyian Ana Rafali dan Suhaimi Meor Hassan yang sedang popular dan menjadi siulan anak-anak muda sekarang.

Antara lagu-lagu Dikir Barat moden yang dimanati sekarang ialah:

Diambil dari album Tokseh Karpel keluaran Etnik Production (2011).

- I. Cinto Auw..Auw
- II. Tokseh Karpel
- III. Dr. Mental
- IV. Manjo
- V. Jahane
- VI. Aye Denok Aye Kape
- VII. Manusio
- VIII. Keno Tipu Lagi

IX. Gilo

X. Duk Pikir- Pikir

Setelah penelitian yang dibuat melalui perubahan dari segi lagu dalam persembahan Dikir Barat dapat dihuraikan bahawa kesan daripada proses modenisasi yang dibawa oleh media ini telah memberi impak kepada perubahan struktur rentak lagu. Kesan daripada perubahan yang dibawa dalam lagu jelas disini menunjukkan telah hilang keaslian seni persembahan yang ada dalam Dikir Barat. Di sini pengkaji berpendapat dengan lahirnya lagu-lagu moden sebegini secara tidak langsung Dikir Barat tradisional semakin akan ditinggalkan dan warisan budaya yang kita ada semakin pudar di mata masyarakat ekoran daripada kehadiran lagu-lagu dikir moden ini.



Rajah 3 :

(Senarai lagu-lagu Dikir Dalam album Jagoh 8 sensasi)



Rajah 4 :

Contoh-contoh tajuk lagu Dikir moden

(Sumber: Senarai lagu dari VCD “ Tokseh Karpet”)

4.2.4 PERALATAN MUZIK

Muzik adalah satu alat media yang penting dalam membentuk, mempengaruhi jiwa dan naluri manusia. Begitu juga dengan Dikir Barat yang satu ketika dahulu yang merupakan santapan rohani secara tidak langsung dapat membentuk nilai-nilai murni kepada masyarakat Melayu terutamanya di Kelantan dan seharusnya ia dihargai dan disanjung tinggi oleh kita pada hari ini.

Sehubungan dengan itu, dalam persembahan Dikir Barat alatan muzik juga merupakan satu elemen penting semasa persembahan ini dimainkan. Terdapat beberapa alat muzik penting yang mengiringi Dikir Barat antaranya ialah rebana ibu dan rebana anak, tertawak (gong), marakas dan juga canang. Tanpa kesemua alatan muzik ini tidak lengkaplah persembahan Dikir Barat.

Tapi kini semua alatan muzik tradisional ini tidak lagi digunakan setelah Dikir Barat memasuki era pemodenan. Didapati lagu-lagu yang mengiringi Dikir Barat sekarang ini telah mula menggunakan alatan muzik moden seperti gitar, dram, bes dan sebagainya. Lantaran itu, tanpa kita sedari Dikir Barat telah selangkah lagi mengorak langkah mengikuti era teknologi baru dengan membuat pembaharuan dari segi bunyi muziknya.

Untuk mendapatkan kepastian serta analisis yang tepat pengkaji telah mendapatkan data dengan membeli beberapa cakera padat dari terbitan beberapa buah syarikat menjalamkan industri rakaman lagu-lagu Dikir salah satunya terbitan Sandstream Entertainment Distributions yang berjudul “Jagoh 8 Sensasi”. Hasil daripada pemerhatian VCD ini pengkaji mendapati tiada lagi alatan muzik tradisional digunakan dalam persembahan itu. Keseluruhan lagu-lagu yang terkandung dalam VCD yang dinyanyikan oleh beberapa orang artis Dikir Barat telah menggunakan alatan muzik moden seperti gitar, dram, bes serta beberapa jenis alatan muzik lain. Selain itu muziknya banyak peniruan unsur-unsur barat seperti lagu-lagu disko, pop dan juga Hindustan.

Hussin bin Yunus atau lebih dikenali sebagai Pak Husin Gelang Mas seorang pembuat alat muzik tradisional dan merupakan Tok Dalang wayang kulit, meluahkan rasa sedih kerana seni persembahan Dikir Barat sekarang ini telah hilang nilai murni dari sudut keseniannya akibat penggunaan muzik moden dalam dalam Dikir sekaligus mencemarkan seni tradisional. Pak Husin yang berpengalaman lebih 30 tahun dalam seni membuat alatan muzik tradisional turut mengatakan Dikir Barat yang masih menggunakan alatan

muzik tradisional hanya masih lagi dimainkan tapi dalam bilangan yang kecil hanya di kampung-kampung.

Setelah menganalisis dari segi alatan muzik ini pengkaji mendapati bahawa elemen-elemen rentak yang lembut daripada alatan muzik tradisional dulu telah hilang ekoran daripada penggunaan muzik moden ini yang dibawa oleh arus kemodenan serta pengaruh media yang dibawa masuk dari luar dalam seni persembahan di negara kita. Penggunaan alatan muzik moden ini menjadikan corak persembahan dikir barat agak keras dan sekaligus tiada lagi nilai estetika dalam

persembahan Dikir Barat. Kehadiran muzik moden ini juga akan menjadikan persembahan Dikir Barat satu warisan bangsa akan luput sekiranya penggunaan muzik moden ini akan berterusan.



Rajah 5 :

Peralatan Muzik Tradisional

(Sumber: Mohd Zamri Zaini, Oktober 2011)



Rajah 6 :
Peralatan Muzik Moden
(Sumber: <http://alatan muzik moden.com.my>)

4.2.5 KOSTUM

Pada awalnya persembahan Dikir Barat di Kelantan yang berasal dari Patani tidak mempunyai pakaian ataupun kostum tertentu atau menarik untuk dipakai oleh Juara, Tukang Karut mahupun awok-awok dari segi persembahannya. Ini tidak dapat dinafikan kerana Dikir Barat ini merupakan permainan rakyat biasa yang diadakan di kawasan sawah padi dan di kampung-kampung. Oleh itu, mereka tidak mementingkan pakaian kerana tujuan utamanya memberi hiburan setelah penat lelah bekerja disamping memuaskan selera penonton. Jadi pasukan-pasukan Dikir Barat dari kelompok ini memakai pakaian biasa ketika membuat membuat persembahan.

Namun begitu, situasi ini telah berubah setelah unsur-unsur moden mula menular dalam persembahan tradisi ini impak dari pengaruh media. Dikir Barat yang pada awalnya tidak mempunyai sebarang pakaian sewaktu membuat persembahan tetapi kini telah dimasukkan kemodenan dari segi pemakaiannya. Pada awal tahun 80 -an sehingga akhir tahun 90-an setiap pasukan memakai kostum yang tersendiri. Kostum pada masa ini kelihatan seperti pakaian pahlawan melayu dahulu berpakaian baju melayu, bersamping dan memakai tengkolok. Apabila munculnya kostum seperti ini Dikir Barat ini kelihatan lebih menarik lagi dari segi persembahannya dan menampakkan lagi ciri-ciri warisan dalam seni persembahan ini.

Namun satu lagi peningkatan modenisasi pakaian telah berlaku dalam seni persembahan Dikir Barat pada hari ini. Bermula awal tahun 2000 sehingga kini, pakaian semakin berubah apabila penyanyi-penyanyi Dikir Barat ini telah meniru cara pemakaian seperti penyanyi barat. Disini, pengkaji telah mengenal pasti situasi ini dengan membuat kajian serta pemerhatian melalui cakera padat yang diperolehi. Setelah mengenal pasti cara pemakaian, pengkaji telah mendapati pendikir-pendikir sekarang ini terutamanya penyanyi perempuan telah mula memakai pakaian moden dan menjolok mata yang lebih ke arah kebaratan. Ini dapat dibuktikan melalui album jagoh 6 keluaran Naga-naga studio pada lagu yang kedua bertajuk "Aah.. Serabut weh". Pakaian ini dipakai oleh keempat-empat pendikir antaranya Adik Wani, Erma pesona, Elyana dan juga Ain.

Cara pemakaian yang menjolok mata yang digunakan artis-artis seperti ini juga telah menghapuskan nilai keindahan yang terdapat dalam seni persembahan ini. Tiada lagi

nilai kemelayuan yang dapat diinterpretasikan kepada masyarakat umum sekaligus turut merusakkan nilai budaya yang terdapat dalam seni persembahan melayu kita. Hal ini berlaku adalah disebabkan kerana kesan daripada hasil tontonan dari media. Boleh dikatakan setiap benda luar seperti cara pemakain serta fesyen datangnya daripada media terutamanya televisyen dan majalah yang sedikit sebanyak mempengaruhi artis-artis Dikir yang ada sekarang.

Transformasi ini terjadi adalah hasil daripada wujudnya satu penggunaan media baru iaitu DVD. Jika dahulu lagu-lagu Dikir Barat direkod melalui kaset yang hanya boleh mendengar lagu tanpa melihat persembahannya. Tetapi bila munculnya DVD artis-artis mula menghasilkan video dimana peminat bukan sahaja boleh mendengar malah boleh lihat video klip yang dilakonan oleh artis-artis tersebut. Untuk keluar di kaca televisyen semestinya orang mahu melihat sesuatu yang cantik. Salah satu faktor daya kecantikan adalah dari segi pemakaian. Apabila adanya penghasilan DVD ini artis perlu menampakkan penampilan yang menarik. Jadi dari sini artis-artis ini perlu keluar dengan cara pemakain yang terkini sesuai dengan era perubahabab moden untuk melariskan lagi penjualan album mereka tanpa menghiraukan baik buruk semata-mata hanya mengejar keuntungan dan populariti.

Setelah menganalisis dari segi pemakaian yang lebih kepada kebaratan ini pengkaji mendapati perkembangan sosial dari segi pemakaian telah berlaku dalam seni persembahan Dikir Barat yang dahulunya dianggap satu tradisi masyarakat melayu telah sedikit sebanyak tercemar ekoran daripada kesan pengaruh media dari segi perspektif

pemakaian yang telah menular yang telah diterima pakai oleh masyarakat kita pada hari ini.



Rajah 7 :

Kostum yang dipakai dalam persembahan Dikir Barat Tradisional

(Sumber: Zamri Zaini, Ogos 2011)



Rajah 8 :

Kostum yang dipakai oleh penyanyi Jagoh dalam persembahan

(Sumber: Sedutan VCD “ Jagoh 8 Sensasi”)

4.2.6 LIRIK

Lirik merupakan asas penting untuk membentuk lagu dalam seni persembahan Dikir Barat. Masyarakat dahulu menggunakan seni persembahan sebagai medium dalam menyampaikan sesuatu mesej serta nasihat tertentu. Dikir Barat ini pada awalnya bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan malah turut dijadikan alat untuk mendidik masyarakat. Oleh sebab itulah, pemilihan bahasa dalam lirik lagu adalah penting yang perlu diambil kira oleh penyanyi. Jadi, tidak dinafikan lagi bahawa lirik lagu Dikir Barat dahulu dapat membentuk nilai-nilai murni kepada masyarakat kerana mempunyai pelbagai unsur nasihat, pengajaran, pendidikan dan sebagainya.

Berlainan pula setelah hadirnya media dalam kehidupan masyarakat, kebanyakan lirik yang terkandung dalam lagu Dikir kebanyakan berkisarkan percintaan. Tidak cukup dengan itu ada juga lirik yang mengandungi unsur-unsur lucu dan dijadikan sebagai bahan jenaka oleh penyanyi sekarang. Didapati yang terbaru keseluruhan lirik-lirik yang ada dalam lagu Dikir Barat sekarang banyak meniru lagu-lagu popular dari luar dan diolah serta ditukar bahasa Kelantan oleh komposer ataupun penulis lirik. Transformasi ini berlaku kerana media seperti televisyen dan radio sekarang banyak memutarakan lagu-lagu berkisahkan percintaan sekaligus kesemua lagu ini menjadi popular dan siulan masyarakat. Lantaran itu, pendikir turut melihat situasi ini lalu mengambil lirik lagu yang menjadi kegemaran anak-anak muda lalu diolah dalam Dikir untuk mendapatkan sambutan masyarakat. Lalu lirik-lirik yang dahulunya berisi nasihat diketepikan oleh penggiat kerana terikut dengan arus yang dibawa oleh media.

Untuk mendapatkan kesahihan serta mengukuhkan data-data yang ada mengenai perubahan lirik ini, pengkaji telah mengambil dua lirik daripada lagu Dikir Barat tradisional dan moden dalam melihat apakah nasihat yang ada dalam Dikir Tradisional Yang lahir dari hati peenyanyi lalu disampaikan kepada masyarakat serta melihat apakah benar lirik Dikir moden berunsurkan percintaan dalam lagunya. Bagi mengukuhkan lagi fakta yang ada pengkaji turut melampirkan perbezaan lirik lagu yang diperolehi seperti dibawah.

Hidup Usia Remaja (Tradisional)

Nyanyian Megat Nordin

Hidup usia remaja,

Haruslah waspada dari helah tipu daya,

Dunia penuh pancaroba,

Jangan mudah dikau terpedaya,

Dusia remaja hati sungguh gembira,

Semuanya indah manis belaka,

Awaslah dirimu sedari manisnya,

Mungkin mengandungi racun yang berbisa,

Jangan dikalihkan hidup pura-pura,

Hargailah masa kerana amat berharga,

Sesaatlah masa berlalu percuma,

Rugilah hidup tiada ketara,

Godaan dunia jangan terpedaya,

Itu hanyalah palsu belaka,

Cekalkan hatimu menghadapinya,

Teguh semangat iman di dada

Cubalah insafi penuh hidup ini,

Mudakan pergi tua mendekati,

Bekalan hidup segera dicari,

Agar tak menyesal kemudian hari

Dalam lagu Hidup Usia Remaja ini lebih menjelaskan mengenai kehidupan pada usia remaja iaitu hidup yang penuh dugaan dan pancaroba. Dalam lirik ini banyak menyampaikan unsur-unsur nasihat kepada masyarakat agar usia remaja yang dikecapi

tidak di sia-siakan, ini kerana dalam usia remaja banyak keruntuhan akhlak yang berlaku kerana pada usia remaja ini remaja lebih cenderung mengikut perasaan dan sifat ingin mencuba. Sebagai remaja yang berfikiran positif seharusnya menilai kehidupan ini untuk yang lebih baik agar dapat menjadi bangsa yang berjaya dan orang yang berguna untuk diri sendiri dan negara.

ROHANA

Nyanyian Zaidi Buluh Perindu

Rohana... Ku saye

Demo sinar bule megambe

Tok sapa ku nok pege

Demo tinggi di awan Rohana

Rohana... Pujaan...

Demo sore dihati abe...

Tido male terbaye

Mato tok leh mok peje

Rohana... ooo ... Rohana...

Rohana

Tak dok sapo buleh hale
Diri demo milik abe
Kasih kito sepangje zaman
Laut luas relo ku rene

Tapi misa...
Kasih putus sekerat jale
Hancurla hati abe...
Biar relo abed ok sore
Rohana demo ku saye..

Rohana... Kasihku..
Lamo bena abe dok tunggu
Tok leh dengar soromu

Sapa make tok lalu
Rohana...

Rohana... Kurindu...
Demo lawa rupo mu ayu

Tok leh soba diriku

Muo raso nok betemu
Rohana...

Manakala dalam lirik lagu ini pula mengisahkan tentang Percintaan. Dalam lagu ini banyak menceritakan bagaimana seorang itu menyangi kekasihnya dengan sehingga sanggup meredah laut luas untuk mendapatkan cintanya. Gambaran ini kemungkinan luahan perasaan penulis sendiri ataupun luahan penulis terhadap perasaan golongan remaja sekarang. Ini kerana zaman remaja ini lah bermulanya kisah cinta dalam diri individu tersebut. Dalam lagu ini penulis cuba menyatakan sayangnya pada kekasih dengan cara memuji-muji pasangannya. Di sini pengkaji dapat analisis bahawa lagu-lagu moden sekarang tiada lagi unsur-unsur nasihat bahkan banyak menceritakan situasi yang ada dalam Negara kita sekarang.

Apa yang pengkaji dapat simpulkan di sini selepas menganalisis dan membuat perbandingan terdapat beberapa perbezaan dari segi lirik lagi dahulu dan sekarang. Jika dilihat lirik lagu dahulu banyak mengutamakan unsur-unsur nasihat, pengajaran dan pendidikan dalam lagunya tetapi berbeza dengan sekarang. Lirik lagu hanya banyak memfokuskan kepada unsur nasihat tetapi lebih menekankan hiburan sahaja dalam lirik lagu. Jelaslah disini bahawa unsur-unsur murni yang dapat mendidik masyarakat pada satu ketika dahulu sedikit sebanyak telah hilang selepas kemasukan unsure-unsur moden dari segi seni bahasa lirik lagu dalam persembahan dikir barat ini.

4.2.7 SENI GERAK

Selain pakaian, lirik, lagu, muzik dan cara persembahan, gerak tari juga merupakan satu elemen penting yang terdapat dalam persembahan Dikir Barat kerana melalui pergerakan ianya secara tidak langsung dapat menimbulkan elemen keseragaman serta kerjasama di antara satu kumpulan. Sehubungan dengan itu, melalui gerak tari inilah wujudnya nilai estetika atau ciri keindahan yang terdapat di dalam persembahan Dikir Barat, di mana kerjasama di antara satu kumpulan adalah penting untuk menghasilkan sebuah persembahan yang cantik, menarik serta dapat menghiburkan penonton.

Seni gerak mengandungi segala gerakan tubuh badan yang mempunyai unsur-unsur keindahan. Seni gerak ini dapat dilihat pada gerakan tangan, kaki, badan, mata dan anggota badan yang lain. Dahulu, seni gerak dalam Dikir Barat dapat dilihat melalui tarian yang melibatkan gerakan tangan dan badan yang dilakukan oleh sekumpulan awok-awok.

Dalam persembahan Dikir Barat dahulu, gerak tari yang dilakukan adalah terhad kerana ianya hanya melibatkan pergerakan tangan dan tubuh badan sahaja. Dengan gerakan yang tersusun dan teratur ini persembahan yang dipersembahkan dapat menampakkan keseragaman dalam setiap pergerakan yang ditonjolkan. Di sini dapat disimpulkan bahawa sikap orang Melayu yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dalam mewujudkan identiti sesebuah bangsa melalui seni pergerakan yang dibuat.

Berbeza dengan Dikir Barat kini atau moden, nilai keseragaman tidak lagi ditonjolkan melalui persembahan ini. Struktur gerak tari yang asli dihapuskan dengan menambah dan memperbaharunya supaya gerak tari yang ditonjolkan lebih kearah kemodenan, iaitu lebih kearah kebaratan. Contohnya pendikir-pendikir sekarang telah mula meniru tarian unsur barat yang boleh menimbulkan kegersangan kepada penonton yang melihatnya kerana mereka bukan sahaja mempamerkan gerakan tangan, malah ada juga yang turut menggunakan seluruh anggota badan mereka semasa mempersembahkan persembahan ini.

Untuk mengenal pasti tarian yang dimasukkan dalam persembahan moden ini pengkaji juga telah melihat seni gerak tari ini daripada satu koleksi rakaman digital audio yang bertajuk “ Jaguh 6 Empat Ratu” keluaran Sandstream Entertainment Distributions, dimana mempamerkan aksi-aksi tarian ghairah yang dilakukan oleh penyanyi perempuan iaitu Wani, Elyana, Ain dan Erma Pesona. Keempat-empat penyanyi ini seakan-akan meniru aksi tarian dangdut atau lebih popular dengan panggilan “Goyang Gerudi” seperti yang biasa dilakukan oleh penyanyi dangdut terkenal dari Indonesia iaitu Inul Daratista. Aspek tarian berunsurkan dangdut ini dapat dilihat semasa penyanyi mendendangkan lagu “Ahh.. Serabut Weh” sambil menari-nari dengan gaya yang memalukan. Antara tarian lain yang digunakan adalah seperti tarian gelek dengan menggoyangkan pinggul sekaligus menampakkan susuk tubuh yang seksi terutamanya di kalangan kaum wanita. Penyanyi-penyanyi ini tanpa segan silu melakukan tarian tersebut seolah-olah mahu menarik peminat serta penonton dengan adegan yang dilakukan tersebut.

Kehadiran unsur moden bercirikan kebaratan ini telah menjadikan Dikir Barat yang diungkapkan sebagai warisan bangsa melayu ini semakin dipandang serong oleh masyarakat. Hal ini demikian kerana unsur-unsur kemelayuan telah hilang sepenuhnya ekoran daripada sikap masyarakat sekarang yang suka mengambil serta memandang tinggi nilai-nilai barat untuk dimasukkan dalam sesuatu persembahan untuk dijadikan hiburan. Sekiranya hal ini berterusan secara tidak langsung lama kelamaan Dikir Barat ini akan pupus di mata masyarakat akan datang.

Gambar dibawah menunjukkan perbezaan gerak tari yang dilakukan oleh awok-awok dan penyanyi daripada kumpulan Jagoh.



Rajah 9 :

Gerak Tari Tradisional

(Sumber: Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri Kelantan)



Rajah 10 :

Gerak Tari Moden

(Sumber: sedutan VCD “Jagoh 8 Sensasi”)

4.3 Perbincangan

Hasil daripada dapatan kajian terhadap peranan media dalam memodenisasi Dikir Barat inilah pengkaji telah mendapati sememangnya Dikir sekarang telah berubah corak terutamanya di dalam persembahannya. Tidak dinafikan kesemua faktor pembaharuan ini telah dibawa oleh peranan daripada pelbagai media dalam mengubah transformasi Dikir Barat. Pengaruh-pengaruh media ini telah memberi impak yang besar dari tradisional menjadi lebih moden. Transformasi ini berlaku apabila bermulanya siaran televisyen dan radio seterusnya membawa kepada industri rakaman sekaligus menjadikan Dikir menjadi popular di Kelantan dan di Malaysia seterusnya dikomersialkan. Disebabkan media Dikir bertambah popular apabila turut dipersembahkan di IPTA di seluruh negara.

Selain itu, Dikir yang pada awalnya terkenal di Kelantan telah dikenali dan diminati ramai oleh masyarakat seluruh negara apabila radio turut memainkan peranannya dalam menyiarkan lagu-lagu Dikir Barat. Bukan sekadar radio malah media lain turut memainkan peranan dalam memperkembangkan persembahan Dikir antaranya ialah kaset, CD, VCD dan DVD. Dengan munculnya teknologi baru seperti ini Dikir semakin diminati kerana orang ramai bukan sahaja boleh mendengar malah dapat melihat sendiri cara persembahan yang dilakukan kerana adanya kesan visual yang dipaparkan.

Bermula dari sinilah dapat dikaitkan Dikir Barat yang lama telah dimodenkan dengan memasukkan unsur-unsur kebaratan bagi menjadikan persembahan lebih menarik dan mempertingkatkan keuntungan penjualan album. Malah Disebabkan media ini juga Juara yang pada awalnya dari berkumpulan telah bergerak secara solo seperti Zaidi Buluh Perindu. Selepas itu muncul pula media baru seperti *youtube* dimana peminat boleh memuat turun lagu beserta video kegemaran mereka secara percuma. Ini membuatkan artis-artis Dikir sekarang lebih popular berbanding dahulu kerana bukan sahaja penduduk Malaysia sahaja yang dapat melihat persembahan mereka bahkan diseluruh negara dapat lihat dengan hanya melayari internet.

Namun disebalik kebaikan yang dibawa media, perlu juga kita sedar bahawa ianya turut memberi kesan negatif terutamanya kepada seni persembahan Dikir Barat ini. Apa yang dikatakan kesan buruk ini ialah dengan kehadiran media telah mengubah corak persembahan Dikir Barat tradisional menjadi moden. Modenisasi ini telah mengubah struktur Dikir sama ada dari segi lagu, lirik, gerak tari, kostum, dan juga penggunaan

alatan muzik. Dikir juga pada dahulunya bercorakkan kumpulan tidak lagi diamalkan menyebabkan tiada lagi Juara, Tukang Karut mahupun awok-awok dalam persembahanya. Hal ini, menyebabkan hilangnya keaslian Dikir yang selama ini merupakan seni persembahan tradisional masyarakat Kelantan yang paling digemari dan tersohor.

Berbeza dengan Dikir moden ianya tidak lagi dimainkan semata-mata untuk menghidupkan kesenian tetapi telah berubahnya sepenuhnya kepada perniagaan. Ini dapat dibuktikan melalui album-album Dikir yang ada dipasaran dimana penggiat tidak lagi mementingkan kesenian dengan cara mengubah corak persembahan sebenar yang ada dalam Dikir. Apa yang cuba diketengahkan disini ialah, pengeksploitasikan kaum wanita di dalam persembahan Dikir Barat. Merujuk kepada eksploitasi ini ialah pihak yang tidak bertanggungjawab ini menggunakan penyanyi-penyanyi wanita dengan memsukkan elemen-elemen yang tidak bermoral seperti tarian dan pakaian yang menjolok mata sekaligus dapat membangkitkan keghairahan penonton apabila menyaksikan wanita-wanita ini mempamerkan aksi-aksi tarian mereka.

Perbezaan ketara yang dapat dilihat disini ialah , dari segi penggunaan muzik yang ada dalam Dikir tradisional dahulu tidak diguna pakai lagi oleh Dikir moden sekarang. Jika dahulu alunan muzik yang mengiringi Dikir antaranya ialah Gendang, Gong, Tertawak dan juga kercing. Namun sekarang kesemua alata muzik tradisional ini tidak lagi kedengaran kerana Dikir moden telah diselitkan dengan alat muzik barat seperti gitar, dram, minus 1, bes dan sebagainya. Keadaan ini berubah kerana penggiat Dikir

merasakan masyarakat sekarang tidak lagi meminati alat muzik lama dan perlu diubah dengan memasukkan muzik moden bersesuaian dengan lagu yang dinyanyikan. Dapat dikaitkan juga disini, kemajuan teknologi dunia turut mempengaruhi citarasa muzik masyarakat. Masyarakat hari ini lebih menginginkan muzik yang bersesuaian dengan keperluan moden. Faktor ini berlaku adalah disebabkan pengaruh yang dibawa media, dahulu kita hanya didedahkan dengan muzik tradisional namun setelah media membawa dan perkenalkan alat muzik ini kita terus hanyut dibuai alunan muzik moden ini sehinggakan terbawa-bawa ke dalam seni warisan kita. Perlu kita sedar sekiranya penggunaan muzik ini berterusan dalam Dikir pastinya kerja tangan kraf seperti alat muzik tradisional semakin dilupakan masyarakat.

Hasil daripada perbincangan ini dapat diuraikan media telah memberi satu kebaikan kerana telah menjadi satu medium penting dalam memperkembang dan mempopularkan Dikir di seluruh negara. Namun begitu, disebabkan ada sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab telah menyalahgunakan media dengan membawa elemen-elemen negatif kesan dari pengaruh media kedalam persembahan Dikir Barat ini tanpa rasa bersalah demi mencari keuntungan. Situasi ini menyebabkan Dikir telah tercemar di mata masyarakat apa lagi pada pandangan Islam. Dikir sekarang ibarat semakin dihapuskan sekaligus merosakkan maruah atau boleh dinggap menodai keaslian Dikir Barat. Harun Daud berpendapat bahawa Dikir sekarang bukanlah diklsifikasikan sebagai Dikir barat tetapi lebih kepada Dikir Lagu dimana banyak menggunakan alatan moden. Hal ini demikian kerana Dikir sekarang lari dari konsep sebenar Dikir Barat sebagaimana

Dikir pada asalnya dipersembahkan dalam bulatan untuk mendapatkan gema suara serta mempunyai Juara dan Tukang Karut.

Jadi, perubahan hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana ianya akan memberi kesan buruk dimasa akan datang. Keburukan ini adalah jika masyarakat terus meenganggap Dikir lagu ini sebagai Dikir Barat kesannya nanti generasi akan datang tidak akan kenal Dikir yang asal dan meenganggap “Jagoh” adalah Dikir Barat.

4.4 Kesimpulan

Apa yang dapat disimpulkan di sini adalah Dikir Barat sekarang telah mengalami beberapa perubahan dalam struktur persembahannya. Tidak dinafikan kesemua proses tranformasi yang dialami oleh Dikir Barat ini telah dibawa oleh media. Jelas, media telah memainkan perannya dalam memperkenalkan serta mempopularkan Dikir Barat sekaligus membawa evolusi baru dengan kemasukan teknologi-teknologi terkini seperti visualisasi, rakaman dan penggunaan alat muzik moden dalam persembahan Dikir.

Lantaran itu, hasil dari perubahan ini telah membawa beberapa faktor kepada nilai seni, ekonomi serta sosial masyarakat. Impak perubahan yang berlaku terhadap seni warisan ini dipercayai telah merosakkan nilai serta keaslian seni. Namun, jika dilihat dari segi ekonomi perubahan ini sedikit sebanyak membawa kepada kebaikan kerana telah dapat meningkatkan serta memperbaiki ekonomi masyarakat hasil daripada penjualan album. Manakala kesan kepada sosial pula ialah Dikir yang pada awalnya dahulu bertindak sebagai alat dalam menyampaikan mesej telah berubah ke arah hiburan sepenuhnya. Dengan pakaian serta tarian yang dilakukan oleh penyanyi perempuan kumpulan seperti Jagoh telah membuktikan tahap dimana masyarakat tidak lagi mementingkan isu-isu sensitif mahupun mengambil kira dari segi agama.

Kesemua perubahan ini telah dikenalpasti oleh pengkaji melalui penelitian serta hasil temuramah penggiat serta orang yang mahir tentang kesenian telah berjaya membuktikan dan memperkemaskan kajian ini.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bahagian terakhir dalam kajian dimana pengkaji akan merumus kajian yang dijalankan iaitu memfokuskan kepada kesimpulan hasil daripada keseluruhan dapatan kajian yang diperolehi bagi melengkapkan lagi struktur sesuatu kajian yang dijalankan. Segala dapatan kajian yang diperolehi sama ada secara langsung atau pun tidak langsung perlu dinilai secara terperinci bagi mengukuhkan data-data yang didapati. Dalam bab ini pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang perlu dirasakan perlu diambil kira setelah proses menganalisa ini selesai mengenai kajian pengaruh media dalam memodenisasi Dikir Barat bagi mendapatkan konklusi terbaik bagi menyempurnakan kajian yang dibuat.

Sememangnya masyarakat Melayu kaya dengan pelbagai seni persembahan tradisional seperti Mak Yong, Wayang Kulit dan Kuda Kepang mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri menjadikan seni warisan ini bertahan sehingga hari ini. Begitu juga dengan Dikir Barat, turut mempunyai nilai keindahannya melalui lagu-lagu dimainkan mahupun format persembahannya. Masyarakat Melayu tradisional bukan sahaja melihat Dikir Barat ini sebagai alat hiburan tetapi turut menjadikan Dikir ini sebagai satu elemen atau bahan berkesan dengan penyampaian lagu-lagu yang kaya dengan mesej, nasihat dan pengajaran sekaligus dapat dijadikan pengangan masyarakat Melayu tradisional.

Malangnya, selepas pengaruh media terutamanya yang dibawa dari barat telah menular dalam persembahan, Dikir Barat tidak lagi menjadi medium sebagai alat mendidik masyarakat tetapi berubah sepenuhnya sebagai alat hiburan. Situasi ini dapat dibuktikan melalui lirik lagu sekarang hanya bertemakan percintaan tidak lagi memfokuskan mesej dan nasihat seperti lirik lagu terdahulu. Lantaran itu, dapat kita lihat bahawa masyarakat sekarang tidak lagi mementingkan dan tidak cuba untuk mempertahankan seni tradisi yang sekian lama dipertahankan serta dimalkan oleh nenek moyang kita dahulu. Jika keadaan ini berlarutan, lambat laun seni tradisi yang telah lama bertapak dalam masyarakat Melayu ini akan hilang dibawa arus peredaran zaman.

5.2 Cadangan

Tidak dinafikan sesungguhnya Dikir Barat merupakan antara seni persembahan yang paling popular dan digemari oleh masyarakat Melayu terutamanya di Kelantan. Sememangnya juga Dikir Barat ini mempunyai keunikan dan daya tarikan yang tersendiri secara tidak langsung mampu memberikan impak yang besar tertumanya sebagai alat menyampaikan mesej. Pada masa yang sama seperti yang kita tahu Dikir Barat sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran zaman. Di sini kita perlu lihat perlu faham ianya berubah mengikut struktur persembahan tetapi, berubah dari segi konteks lagu yang dimainka bersesuaian dengan keadaan masyarakat pada masa itu.

Sekarang Dikir Barat telah berubah bukan sahaja dari segi lagu malah telah berubah sepenuhnya dengan memasukkan elemen-elemen kebaratan dalam persembahannya seperti yang dibicarakan di dalam dapatan kajian. Hal ini amat merugikan kta semua, kerana jika situasi ini berlarutan dalam persembahan Dikir Barat lama-kelamaan Dikir yang pada awalnya mempunyai keaslian seni akan hilang dimata masyarakat dengan kehadiran Dikir-dikir yang moden sekarang. Oleh itu pengkaji merasa terpanggil dan bertanggungjawab untuk mengemukakan beberapa cadangan yang mana mungkin dapat diterima pakai oleh pihak bertatangjawab bagi memastikan gejala ini tidak berlarutan.

Di sini pengkaji cuba mengenengahkan beberapa cadangan yang dirasa perlu dibuat bagi mengekalkan keaslian Dikir Barat supaya tidak disalah ertikan ialah dengan cara memulihara warisan beudaya negara terutamanya seni Persembahan Dikir Barat ini.

Untuk memulihara seni warisan ini agar terus hidup ialah dimana kerajaan perlu memainkan peranan penting dan bertanggungjawab megekalkan seni tradisi ini terus hidup di mata masyarakat. Apa yang perlu dibuat ialah mempergiatkan lagi seni persembahan ini dengan menganjurkan pertandingan-pertandingan di peringkat sekolah mahupun IPTA. Contohnya yang dibuat oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian negeri Kelantan baru-baru ini telah melancarkan satu temasya Dikir Barat Kelantan dalam seminar kebangsaan tradisi dan keusahawanan warisan telah mengetengahkan Dikir kepada khalayak. Dari sini dapat kita lihat masyarakat masih lagi menerima seni tradisional melihat kepada sambutan yang ditunjukkan. Disamping ini, secara tidak lansung kita dapat menerapkan nilai-nilai budaya yang positif kepada masyarakat. Jadi pentingnya disini, untuk kita puliharan seni warisan yang cuba dinodai serta perlu kita peliharaan agar terus hidup tidak berkubur begitu sahaja.

Seterusnya, penting juga sebagai masyarakat yang hidup dalam era kemodenan glonbalisasi ini perlu untuk kita menanamkan sikap kesedaran dan penghayatan terhadap seni dan budaya. Kesedaran ini amat perlu terutamanya kepada remaja sekarang yang leka dengan budaya yang dibawa oleh pengaruh media. Kesedaran ini perlu diberikan terutamanya di sekolah dengan memperkenalkan kesenian yang ada. Penghayatan ini akan dapat diterapkan apabila mereka menyertai aktiviti-aktiviti kesenian yang dianjurkan pihak sekolah. Jika perkara ini dibiarkan kemungkinan satu masa akan datang mungkin remaja hanya kenal nama sahaja tapi tidak tahu cara untuk memainkan satu persebahan ini. Tambahan lagi sekarang sudah ada Dikir moden yang telah menular di seluruh negeri. Kesan daripada ini juga mereka mungkin tidak dapat membezakan lagi mana yang

tradisional dan mana yang moden. Kesedaran dan penghayatan ini termasuk juga dengan cara menghormati budaya, dimana tidak sesekali merosakkan keaslian Dikir seperti memasukkan penyanyi wanita yang berpakaian tidak senonoh dan menunjukkan tarian yang sepatutnya dilakukan. Jika hal ini berterusan ianya sekaligus mencemarkan maruah Dikir dan mencabuli maruah budaya Melayu yang selama ini dipandang tinggi oleh masyarakat luar.

Selain itu, apa yang dirasakan perlu oleh pengkaji bagi mempertahankan kesenian ini adalah dengan cara bina upaya dan latihan. Hal ini dilihat kerana, seni warisan ini akan hidup dan diperkembangkan jika terdapat pengganti yang mewarisi serta mengikut jejak langkah pengamal sebelumnya. Tanpa pengganti maka tiada lagi kesenian sebegini dalam kehidupan kita. Ini merujuk kepada Juara yang ada sekarang bilangannya tidak ramai manakala yang ada di masa ini lebih suka bergerak solo kerana lebih menampakkan populariti. Oleh itu, perlu disini remaja sekarang terutamanya di bangku sekolah dan IPTA, diberi latihan tentang pelbagai kesenian agar terus diamalkan dan tidak pupus. Contohnya, seperti yang dilakukan oleh ASK (Akademi Seni Kebangsaan) di mana menyediakan kursus berperingkat dalam bidang teater, tarian, seni muzik dan sebagainya. Ini adalah bagus kerana, disamping mempelajari kesenian, pelajar bukan sahaja mahir dalam seni malah mampu membina upaya untuk terus memajukan seni persembahan ini dalam apa cara sekali pun.

Akhir sekali, cadangan yang dirasakan perlu diberikan penekanan ialah memperkayakan kebudayaan kesenian dan warisan. Jika dilihat dari sudut positif Dikir

moden ataupun Dikir Lagu ini ada juga ada juga kebaikan kerana dengan lahirnya seni baru ini sekaligus dapat mempelbagaikan lagi seni kita dimana adanya Dikir moden dan Dikir tradisional. Walaupun begitu, masyarakat perlulah mengenalpasti moden dan tradisional supaya generasi akan datang dapat membezakan keaslian dan kemodenan yang ada pada Dikir.

5.3 Kesimpulan

Apa yang dapat dirumuskan daripada kajian peranan media dalam memodenisasi persembahan Dikir Barat ini ialah, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa unsur atau pengaruh moden yang telah diterapkan dalam permainan ini telah mengubah Dikir Barat ini dari segi seni persembahan, alatan muzik.lagu, lirik, pakaian dan juga gerak tari. Dengan adanya unsur-unsur moden dalam dikir barat ini ianya secara tidak langsung merosak nilai-nilai estetika yang terdapat dalam aktiviti kesenian yang sudah bertapak lama dalam masyarakat Melayu. Kehadiran unsur moden yang dibawa oleh media ini akan dapat melenyapkan nilai-nilai moral dalam persembahan ini yang sepatutnya diamalkan berterusan oleh kita dan juga generasi akan datang supaya dapat dijadikan pedoman dan pegangan hidup melalui mesej dan pengajaran yang terkandung dalam seni persembahan Dikir Barat ini.

Namun begitu, tidak dapat dinafikan juga bahawa modenisasi ini turut membawa kebaikan kepada kita. Hal ini dapat dilihat dari segi kehadiran unsur moden ini semua persembahan dikir barat telah mula dikomersialkan dengan meluas di seluruh Negara. Sekarang kita dengan senang dapat melihat seni persembahan Dikir Barat ini dengan

hanya membeli cakera padat atau dengan menonton televisyen. Berbanding dahulu kita susah untuk melihat seni persembahan ini kerana ianya dilansungkan di kampung dan pada masa yang tertentu sahaja. Penduduk di Bandar susah untuk berkesempatan melihat seni budaya ini. Keadaan ini menyebabkan tidak semua masyarakat mengenali persembahan Dikir Barat ini. Dengan kehadiran bentuk-bentuk persembahan seperti ini masyarakat sekaligus akan dapat mengenali apa itu Dikir Barat. Walaubagaimanapun ,disebalik kebaikan unsur moden ini juga perlu kita sedari bahawa unsur moden ini turut membawa kepada keburukan seperti yang telah dibincangkan dalam bab sebelumnya.

LAMPIRAN

1



2



3





U
M
KELANTAN

7



8



9



SENARAI RAJAH

Gambar 1 : Menunjukkan temasya Dikir barat yang diadakan di Jabatan
Kebudayaan Dan Kesenian, Negeri Kelantan

Gambar 2 : Menunjukkan Dikir Barat yang dipersembahkan oleh golongan tua.

Gambar 3 : Menunjukkan Dikir Barat turut dipersembahkan oleh golongan
remaja.

Gambar 4 : Menunjukkan koleksi-loleksi album Dikir Moden yang terdapat di
Pasaran.

Gambar 5 : Menunjukkan antara salah album Dikir Moden yang berjudul
'Jagoh 6 Empat Ratu'.

Gambar 6 : Menunjukkan album terbaru yang terlaris di pasaran berjudul '
Tokseh Karpel'.

Gambar 7 : Menunjukkan gaya tarian yang dibuat oleh penyanyi kumpulan
Jagoh.

Gambar 8 : Menunjukkan barisan artis Dikir Barat moden yang popular.

Gambar 9 : Menunjukkan kostum yang dipakai oleh artis perempuan semasa mempersembahkan lagu Dikir Barat.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Fathi Ibrahim (2007). “Karut dan Tukang Karut Dalam Persembahan Dikir Barat”. *Warisan Kelantan XXI*. Kuala Lumpur: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, pp. 94-115.
- Brennan, C. (2001). “Religion, Cultural Identity, and Kelantan’s Dikir Barat”. *The Australian Journal of Anthropology*, 2001, 12:3, pp. 302-311
- Mohd Ghazali Abdullah (Ed.) (1995). *Teater Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan
- Firsan Nova (2009).” Bagaimana Public Relation Menangani Krisis Perusahaan”. *Crisis Public Relations*. Yogyakarta: Branch Manager Permata Bank Syariah
- Saodah Wok Et. Al. (2003), “Model Dan Teori Pengaruh Media Massa, Model Dan Teori Kesan Media Massa”. *Teori-Teori Komunikasi*. Cetakan Pertama 2003. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing. Sdn. Bhd.
- Raja Iskandar (2010). “Creative Dynamism of Dikir Barat” kertas kerja yang dibentangkan di Kolokium Muzik Antarabangsa UPM, 2010.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2011). “ Modenisasi ”. Dirujuk pada tarikh 1 Disember 2011 pada pukul 12.30 tengahari.
- Ibid (2011). “ Media” . Dirujuk pada tarikh 3 Disember 2011 pada pkul 3.00 petang.
- Aziz Deraman (1994). “ Muzik Dan Tradisi Melayu” Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

_____ (2000). “ Peranan Muzik Tradisional Dalam Muzik Moden”. *Alat Muzik Tradisional* (Cetakan Pertama). Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Ida’s Khan (Penerbit).(2008). *Jagoh 8 Sensasi* (VCD) . Pasir Mas: Sandstream Entertainment Distribution.

Man Khan (Penerbit). (2011). *Tokseh Karpit*. (VCD). Pasir Mas: Etnik Production.

Zaharan Razak (2008). *The Many-Splendored Appeal of Dikir Barat*. Dimuat turun dari <http://zveloyak.blogspot.com/2008/12/many-splendored-appeal-of-dikir-barat.html> pada 2 Julai 2010.

Abdul Hadi Yusuff (2006). *Pak Leh Tapang Pengasas Dikir Barat*. Dimuat turun dari http://utusan.com.my//info.asp?y=2006&dt=0326&pub=utusan_malaysia&sec=Sastera&pg=sa_01.htm&arc=hive pada 2 Januari 2011.

Prof. Harun Daud. Ditemuramah pada 16 November 2011, jam 4.30 petang di Bachok.

Hussin bin Yusuf. Ditemuramah pada 3 Disember 2011, jam 11.00 pagi di Kota Bharu.